



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 15 Hari Jumaat Ihb Mac, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Ruangan 34)**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Ruangan 36)

**Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori
Pusat) (Ruangan 44)**

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) (Ruangan 74)

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (Ruangan 76)

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) (Ruangan 80)

Rang Undang-undang insurans (Pindaan) (Ruangan 97)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, Ihb Mac, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEJABAT CAWANGAN PERDAGANGAN DI PERLIS

1. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilakah agaknya pejabat atau pusat perdagangan dapat diadakan di Perlis untuk memberi kemudahan urusan dibuat di sana.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai Pejabat Penguatkuasaan ataupun Pejabat Pendaftar Perdagangan ataupun Pendaftar Syarikat perlu ditubuhkan di Kangar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesuatu pejabat cawangan di suatu kawasan, baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Daerah adalah ditentukan oleh beberapa faktor seperti keperluannya, bilangan penduduk yang memerlukan perkhidmatan, tahap aktiviti ekonomi dan sebagainya. Berasaskan faktor-faktor ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum ada lagi cadangan untuk menubuhkan pejabat cawangannya di negeri Perlis. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kementerian sudah mempunyai sebuah Pejabat Pendaftar Perniagaan di Alor Setar serta juga satu Pejabat Penguatkuasaan dan juga satu Pejabat Pendaftar Perdagangan di Pulau Pinang. Ini saya rasa dapat memberi kemudahan kepada rakyat Perlis.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Perlis adalah merupakan sebuah negeri di sempadan Negeri Thai, maka pihak Kementerian akan mengkaji sekali lagi untuk menubuhkan satu Pejabat Penguatkuasaan dalam masa sesingkatnya.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu adalah apa juga yang saya hasratkan. Walaupun negeri Perlis adalah negeri yang kecil, tetapi ianya adalah sebuah negeri yang mana rakyatnya amat perlu membuat urusaniaga dan sebagainya dan terpaksa berulang-alik ke Kedah dan Pulau Pinang. Jadi, saya amat berharap kiranya Yang Berhormat dapat memberi pertimbangan dan juga mengadakan sebuah cawangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada soalan tambahan?

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Saya harap bila agaknyanya walaupun pertimbangan diberi, mungkin tahun depan, dua tahun lagi atau bila?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, ini Kementerian baru, Menteri-menteri pun baru, insya Allah, kawan-kawan saya di sana pun ramai, kita akan tubuhkan satu pejabat dalam masa sesingkat-singkatnya.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT - OBJEKTIF**

2. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah objektif-objektifnya memandangkan ianya adalah satu Kementerian baru..

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Alexander Yu Lung Lee]: Tuan Yang di-Pertua, objektif Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ialah untuk menyelaras, menggubal dan melaksanakan program-program bagi mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera dan beridentiti sendiri dengan penduduknya yang berbilang kaum dan agama, bersatu-padu, berkualiti, berdikari dan mengamalkan budaya ikram.

LEBUHRAYA GENTING HIGHLANDS/BUKIT FRASER/CAMERON HIGHLANDS

3. Dato' Azumu bin Tak minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) sama ada benar Kerajaan akan membina Lebuhraya Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands; dan
- (b) berapakah anggaran perbelanjaan baginya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum memutuskan sama ada untuk membina jalan yang menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands kerana kajian jajaran dan kejuruteraan awal projek ini belum lagi disiapkan.
- (b) Oleh kerana kajian jajaran dan kejuruteraan awal pun belum disiapkan, anggaran untuk melaksanakan jalan tersebut juga belum dapat ditentukan.

Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah bersangkutan juga dengan jalan raya ke Cameron Highlands. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah Kerajaan akan memulakan kerja pembinaan jalan raya dari Batu Malim, Pos Buntu ke Slim River. Apa yang saya difahamkan pelan jalan raya ini telah siap. Jauh jarak antara Pos Buntu dengan Slim River ini lebih kurang 25 km hingga ke 30 km. Saya berharap juga pihak Kerajaan akan menyegerakan pembinaan jalan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini nampaknya ada terkeluar daripada soalan asal, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab, boleh jawab.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar jadi saya tidak bersedia untuk menjawabnya tanpa notis.

PELANCONG LUAR/DALAM NEGERI - PERKENALKAN KESENIAN

4. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah kesenian yang telah diperkenalkan kepada pelancong-pelancong luar dan dalam negeri;
- (b) di manakah tempat-tempat yang banyak terdapat bahan-bahan kesenian dan kebudayaan di Malaysia; dan
- (c) berapakah jumlah pelancong yang datang ke Malaysia pada tahun ini dengan sebab "Kempen Tahun Melawat Malaysia", dan berapakah jumlah pendapatan dikira dari segi kewangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bentuk-bentuk kesenian yang diperkenalkan kepada pelancong-pelancong luar dan dalam negeri boleh dibahagikan kepada 3 jenis bentuk utama iaitu:-

- (i) Kesenian Tradisional dan sezaman seperti tarian-tarian tradisional dari seluruh negeri di Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Teater Tradisi seperti Bangsawan, Hadrah, Wayang Kulit, Wayang Wong dan lain-lain, lagu-lagu dan muzik tradisional dan sezaman seperti Ghazal, Rebana Ubi, Rebana Keras, Pantun, Puisi, Gurindam, Adat Istiadat Perkahwinan, Istiadat Raja-Raja dan lain-lain.
- (ii) Permainan Tradisional seperti congkak, wau, batu seremban, guli, gelek rim, sepakraga bulatan, ketinting bulu ayam, galah panjang dan lain-lain.

- (iii) Hasil kraftangan dan seni tampak seperti anyaman mengkuang, sulaman, tenunan songket, batik, kraf tempurung, ukiran dan lain-lain.
- (b) Kita telah sedia maklum bahawa negara Malaysia sememangnya kaya dengan hasil seni. Boleh dikatakan seluruh negeri di negara ini kaya dengan seni budayanya seperti negeri Melaka kaya dengan hasil kraftangan, dondang sayang dan wira bersejarah. Negeri di Pantai Timur kaya dengan industri batik dan songket, negeri Pahang kaya dengan keindahan pantainya. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa di negara ini bahan-bahan kesenian dan kebudayaan terdapat di seluruh negara dan setiap negeri mempunyai bahan kesenian dan kebudayaannya yang tersendiri. Oleh kerana itulah Malaysia terkenal sebagai salah sebuah negara yang kaya dengan bahan seni dan budaya.

- (c) Untuk tempoh bulan Januari hingga Disember, 1990, seramai 7.5 juta orang pelancong asing telah melawat Malaysia berbanding dengan seramai 4.8 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 1989. Berdasarkan kepada jumlah ketibaan pelancong asing ini, negara dianggarkan telah memperolehi pertukaran wang asing dari pelancongan sebanyak \$4.5 bilion bagi tempoh Januari hingga Disember 1990 berbanding dengan sebanyak \$2.8 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 1989. Ini menunjukkan pertukaran wang asing negara dari sektor pelancongan telah bertambah sebanyak 61.7% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah memperolehi kejayaan dalam masa yang singkat \$4.5 bilion dalam tahun 1990. Angka ini mengagumkan dan harus diberikan setinggi-tinggi penghargaan. Soalan tambahan saya ada **dua**. Yang pertamanya, apakah yang dimaksudkan dengan rebana keras? Adakah pula rebana yang lembik? **[Ketawa]**

Yang kedua, di antara 7.5 juta orang pelancong yang datang ke negara kita, berapa ramaikah yang datang dengan bentuk atau ala - hippies? Adakah rungutan menyatakan sebahagian daripada pelancong kita ini datang ke negara ini secara hippies dan pakaian serta kelakuan mereka amat sumbang dan selalunya mengganggu ketenteraman awam? Adakah ini benar? Kalau benar, apakah tindakannya?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengucapkan terima kasih kepada Kementerian tetapi ini bukanlah dapat dijayakan hanya dengan dasar-dasar yang kita ada dengan pelaksanaan kita tetapi dengan kerjasama daripada semua pihak.

Yang kedua, mengenai rebana ubi dengan rebana keras ini, sebenarnya rebana ini banyak kategorinya. Ada yang kecil, ada yang besar dan ada yang lebih besar. Jadi, dari segi bunyinya pun ada yang lebih cepat dan kurang cepat. Dari segi kriterianya saya tidaklah dapat hendak terangkan tetapi bagi mereka pakar bolehlah mengetahui perkara ini yang mana keras, yang mana lembut tetapi saya pun tidak tahu. Kadang-kadang ada rebana yang bunyi keras, ada yang bunyi lembut. Jadi, terpulang kepada pendengaran kita barangkali.

Mengenai soal ala-hippies ini, sebenarnya kita tidak ada membuat satu kajian berapa ramai yang dikatakan ala-hippies kerana kita mendapat maklumat kedatangan pelancong ini berdasarkan kepada yang diberikan oleh pihak Jabatan Imigresen, Jadi, dalam kajian kita, kita tidak mengetahui berapa ramai ala-hippies. Walau bagaimanapun, dari maklumat-maklumat yang kita dapat bahawa tidaklah begitu ramai, mereka yang bergiat demikian ataupun pelancong-pelancong yang masuk dalam kategori demikian. Tetapi yang kita ketahui kebanyakan pelancong-pelancong yang masuk ke negara kita adalah mereka yang mempunyai ataupun membawa nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan moral ataupun keadaan di dalam negara kita.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan tahniah kepada Kementerian ini. Sejak Kementerian ditubuhkan, saya rasa kesenian kita telah begitu dicungkil dan dipaparkan kepada masyarakat. Tetapi apa yang saya harapkan tidaklah pesta budaya ini diadakan di Kuala Lumpur sahaja, misal kata, "Malaysia Fest". Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan pesta ini di tiap-tiap negeri, misal kata di Johor Bahru, Kuantan atau di Melaka supaya semua kesenian negeri-negeri dapat ditonton oleh negeri-negeri yang berkenaan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pesta-pesta ini ada juga dianjurkan oleh negeri-negeri, macam Pulau Pinang - "Pesta Pulau Pinang", Perak - ada "Pesta Lumut" dan begitu juga negeri-negeri lain. Tetapi saya hendak memaklumkan bahawa tujuan asal "Malaysia Fest" kita adakan ialah untuk menentukan bahawa pada bulan 9 dan bulan 10 sebenarnya kadar penginapan di Kuala Lumpur pada masa-masa yang lepas adalah satu masa di mana penginapan hotel begitu rendah sekali atau kita katakan dalam keadaan yang lembab. Jadi, sebab itu kita adakan pesta ataupun "Malaysia Fest" ini di Kuala Lumpur kerana hendak memastikan bahawa keseluruhan tahun kadar penginapan hotel di Kuala Lumpur adalah meningkat ataupun stabil sekurang-kurangnya. Jadi, sebab itu kita adakan "Malaysia Fest".

Yang kedua, "Malaysia Fest" ini tidak semestinya bertujuan untuk kita bawa kepada negeri-negeri kerana setiap negeri ada pestanya masing-masing. Tetapi kita hendak memberi peluang kepada pelancong-pelancong dalam negari supaya mereka melancong di dalam

negeri sendiri. Di samping itu, kita menentukan tarikhnya supaya pelancong-pelancong dari luar negeri sudah pasti dari bahawa kalau mereka hendak tengok "Malaysia Fest" datang pada bulan 9 dan bulan 10 dan ianya di Kuala Lumpur. Jadi, inilah tujuan kita mengadakan "Pesta Malaysia" atau "Malaysia Fest". Jadi, sebab itu kita tidak dapat bawa kepada tiap-tiap negeri. Walau bagaimanapun, kita tahu tiap-tiap negeri ada mengadakan pesta masing-masing dan kita memberi kerjasama kepada pelaksanaan pesta-pesta di peringkat negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tambahan lagi. Yang Berhormat Dr. Nordin Selat.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, saya syak bahawa angka pelancong yang diberi itu mungkin mengelirukan sebab kalau kita ambil Singapura dengan negara asing dan pelancong yang datang dari Singapura, saya kira kalau 100,000 orang Singapura datang tiga puluh hari sebulan, ini sahaja sudah 3 juta. Jadi, kalau kita kata 7 juta maknanya 3-4 juta pelancong daripada Singapura, dan daripada negara lain sebenarnya amat berkurangan. Soalan saya ialah adakah betul syak prasangka saya ini? **[Ketawa]**

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini telahpun ditimbulkan dalam beberapa hari yang lalu di mana salah seorang Yang Berhormat Senator juga telah bertanya mengenai perkara ini. Inginlah saya maklumkan kita harus faham bahawa ada perbezaan di antara apa yang kita panggil pelancong dan pelawat. Jadi, kalau kita hendak katakan pelawat, sebenarnya bukan 7.5 juta tetapi 15 juta lebih. Tetapi kita tidak anggap bahawa pelawat ataupun "day-trippers" ataupun mereka yang berulang-alik itu sebagai pelancong, Itu kita asingkan sebagai pelawat. Tetapi

istilah pelancong ialah mereka yang datang sekurang-kurangnya bermalam di Malaysia dan ini termasuk juga pelancong-pelancong daripada Singapura,

Untuk makluman, kita telah membuat kajian dalam beberapa tahun yang lepas iaitu bagaimana kita hendak menentukan kadar pelancong daripada Singapura yang kita anggap pelancong di mana kita hanya gunakan 36.3% sahaja pelawat dari Singapura dikategorikan sebagai pelancong. Ini berdasarkan kepada kajian yang telah kita buat. Jadi, sebab itu maklumat yang kita dapat ihi tidaklah boleh ditimbulkan sebagai satu prasangka bahkan kadar yang kita berikan ini adalah kadar yang paling minimum mungkin kadar yang sebenarnya adalah lebih daripada itu lagi.

MINYAK DI PERAIRAN PANTAI TIMUR

5. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada aktiviti-aktiviti mencari minyak di kawasan perairan Pantai Timur akan menjejaskan mata pencarian lebih dari 12,000 orang nelayan yang bergantung pada perikanan sebagai sumber pendapatan mereka. Sama ada Kerajaan bercadang untuk membantu menyelesaikan masalah mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti mencari minyak di kawasan perairan Pantai Timur pada dasarnya tidak menjejaskan mata pencarian nelayan. Dalam mencari minyak ini kajian seismik dijalankan di sesuatu tempat itu pada sesuatu masa tertentu sahaja. Aktiviti ini adalah sementara dan nelayan boleh terus menjalankan penangkapan ikan mereka. Aktiviti kajian seismik ini juga tidak mendatangkan kesan negatif pada sumber perikanan dan persekitaran. Jabatan Perikanan mempunyai hubungan yang baik dengan PETRONAS dan juga kontaktor perkongsian pengeluarannya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh nelayan ekoran dari kajian seismik itu.

Pihak kontraktor perkongsian pengeluaran PETRONAS mengambil kira masalah yang dihadapi oleh nelayan, terutama di dalam kes di mana bubu atau unjang rosak, hilang ataupun perlu dialih ataupun dipotong ketika kajian ini dijalankan, dan seterusnya dibayar pampasan yang sewajarnya. Buat masa ini, Jabatan Perikanan dan PETRONAS serta kontraktornya sedang dalam proses perundingan bagi mengadakan satu tatacara pengendalian dan kadar-kadar pampasan yang seragam dan menyeluruh. Satu memorandum persefahaman mengenainya akan ditandatangani oleh Kementerian dan PETRONAS. Jabatan Perikanan akan terus memastikan pendapatan nelayan tidak terjejas, dan jika terjejas, mereka perlu dibayar pampasan yang sewajarnya.

KAWALAN TERHADAP KOPERASI

6, Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah Kerajaan akan membuat kawalan kepada koperasi-koperasi yang kewangannya tidak tegoh atau menanggung hutang yang banyak daripada membuat pembayaran seperti elaun mesyuarat Lembaga Pengarah dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Tuan Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat kawalan terhadap pengurusan dan pentadbiran harian Koperasi. Sistem kawalan dalaman telahpun termaktub dalam tiap-tiap undang-undang kecil penubuhan sesuatu Koperasi itu. Misalannya masalah tentang hutang Koperasi sama ada yang ada dalam tangan atau yang akan dibuat adalah diputuskan dalam Mesyuarat Agung Koperasi itu. Begitu juga tentang pembayaran elaun Pengarah-pengarah.

Jabatan Pembangunan Koperasi akan bertindak untuk menyelaras dan mengawasi perjalanan koperasi mengikut lunas Undang-undang Kecil Koperasi yang berkenaan dan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1984.

KRISIS TELUK - KENAIRAN HARGA MINYAK

7. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah durian runtuh yang didapati dari kenaikan harga minyak akibat Krisis Teluk digunakan untuk membendung kadar inflasi yang pasti berleluasa seperti yang pernah dialami dalam tahun tujuh puluhan. Dan dapatkah Kerajaan menjamin yang kadar inflasi pada tahun-tahun yang akan datang dapat dibendung pada tahap yang paling minima.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga purata wajaran minyak mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia pada bulan September, 1990 ialah kira-kira US\$29.38 setong. Dalam bulan Oktober, 1990 harga purata ini meningkat lagi ke US\$37.91 setong. Walau bagaimanapun, harga purata ini telah turun ke paras US\$26.11 setong pada bulan Januari, 1991. Pada 28hb Pebruari, 1991 harga spot minyak jenis tapis blend yang dikeluarkan oleh Malaysia ialah kira-kira US\$19.50 setong.

Penurunan dalam harga petroleum mentah keluaran Malaysia adalah selaras dengan penurunan minyak mentah di pasaran antarabangsa. Bagi maksud Rancangan Belanjawan 1991, paras harga petroleum mentah yang digunakan ialah US\$22 setong. Berikutan dengan penurunan dalam harga petroleum mentah ini, Tuan Yang di-Pertua, soal durian runtuh yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat mungkin tidak berkaitan lagi pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal inflasi, Kerajaan sentiasa mengawal kedudukan inflasi dengan teliti. Langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk mengurangkan tekanan inflasi. Langkah-langkah ini termasuklah dasar fizikal dan kewangan yang berhati-hati serta galakan kepada industri kecil dan sederhana untuk meningkatkan pengeluaran negara. Langkah-langkah akan terus diambil untuk mengawal perkembangan harga barang-barang keperluan serta menentukan

bahawa bekalan barang-barang keperluan adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta juga hendaklah membantu pihak Kerajaan dalam usaha membendung inflasi. Pengguna-pengguna sendiri perlulah berjimat-cermat untuk meningkatkan kadar simpanan negara. Manakala Persatuan-persatuan Pengguna juga hendaklah menyokong usaha Kerajaan dalam pelaksanaan langkah-langkah mencegah inflasi. Kita berharap dengan langkah-langkah ini, kadar inflasi dapat dibendung pada tahap yang paling rendah sekali.

SOALAN NO.8

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan telahpun jawab soalan No.8 ini pada hari semalam.

KELAHIRAN MENGIKUT NEGERI

9. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkara-perkara seperti di bawah ini:-

- (a) berapakah jumlah kelahiran mengikut negeri dari tahun 1980 hingga 30hb November, 1990; dan
- (b) berapakah jumlah kematian dalam tempoh tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kelahiran mengikut negeri dari tahun 1980 hingga 30hb November, 1990 adalah seperti berikut:-

Perlis	52,747
Kedah	394,279
Pulau Pinang	270,363
Perak	581,608
Selangor	520,363
W. Persekutuan	381,470
N. Sembilan	202,767
Melaka	164,525
Johor	607,144
Pahang	363,956
Terengganu	267,588
Kelantan	417,287
Sabah	564,812
Sarawak	450,899
	5,239,808

(b) Dalam tempoh tersebut sebanyak 842,373 kes kematian telah didaftarkan.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jumlah kelahiran kira-kira 5 juta lebih ini adakah termasuk anak-anak pelarian Vietnam dan pendatang tanpa izin?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengikut pendaftaran rasmi iaitu mereka yang sah - tidak termasuk mereka yang haram.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Adakah dengan angka-angka kelahiran itu akan

mencapai matlamat supaya meramaikan bilangan penduduk-penduduk di negara kita? Dan yang keduanya, apakah sebab-sebab utama menjadi kematian?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dengan angka-angka ini penduduk-penduduk negara ini kena usaha kuat lagi kalau hendak tambah sehingga 70 juta itu. Tidak dapat saya memberi secara profesional sama ada projection itu akan dapat meningkat sehingga target yang kita hendak itu.

Untuk bahagian dua, sebab punca-punca ataupun sebab-sebab kematian ini adalah faktor yang utama ialah mereka yang sudah tua, umurnya sudah lebih. Yang kedua ialah banyak sakit dan kemalangan itu adalah sebahagian kecil.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, adakah kelahiran yang tidak sah ini diambil berat oleh Kerajaan? Itu dia soalan tambahan saya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan mengambil berat tentang kelahiran yang tidak sah. Apa yang penting sekali di sini ialah kawalannya bagaimana Kerajaan mengawal memastikan segala kelahiran yang didaftarkan itu adalah benar benar sah. Itu yang penting sekali iaitu dari segi kawalan.

RINGGIT MALAYSIA DALAM PASARAN ANTARABANGSA

10. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar Ringgit Malaysia telah memasuki pasaran wang antarabangsa; sekiranya ini benar, apakah kesan terhadap ekonomi negara, terutamanya mengenai kesan terhadap perdagangan antarabangsa Malaysia.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Ringgit bukanlah satu matawang utama dalam pasaran wang antarabangsa. Matawang-matawang yang biasa digunakan untuk membayar dalam sistem perdagangan dan sistem kewangan antarabangsa ialah Dolar Amerika Syarikat, Yen Jepun, Deustchemark German, Frank Swiss dan Pound Sterling.

Ini bermakna pembayaran di antara negara-negara dunia biasanya dibuat dengan matawang-matawang tersebut. Oleh itu pengimport-pengimport Malaysia hendaklah memperolehi matawang-matawang utama tersebut apabila mereka hendak membuat bayaran untuk import mereka. Pengeksport-pengeksport Malaysia juga menerima pembayaran untuk eksport mereka dalam matawang-matawang tersebut. Kebanyakan pembayaran adalah dalam Dolar Amerika Syarikat. Dengan itu nilai Ringgit adalah dipengaruhi oleh pergerakan matawang-matawang utama ini.

INDUSTRI PELANCONGAN - KEUNTUNGAN

11. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah untung bersih daripada \$2.74 bilion yang diperolehi oleh industri pelancongan dalam masa lapan bulan tahun ini; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk meneruskan dan memajukan industri pelancongan yang digelar sebagai lombong emas oleh Perdana Menteri kita.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan bagi soalan (a) lapan bulan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah lapan bulan dalam tahun 1990 bukan 1991.

Jawapan kepada soalan ialah seperti berikut:

- (a) Angka \$2.74 bilion yang telah diperolehi dalam masa 6 bulan tahun 1990 yang merupakan tukaran wang asing yang diperolehi oleh negara adalah anggaran jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh pelancong-pelancong yang telah datang ke negara ini. Kementerian ini belum lagi membuat perkiraan untung bersih dari industri pelancongan untuk mengasingkan kos barang-barang yang diimport dari luar negeri bagi tujuan industri pelancongan. Keuntungan daripada perkembangan industri pelancongan ini harus juga dikira daripada peluang-peluang pekerjaan yang semakin

bertambah berikutan dari perkembangan industri pelancongan yang kita saksikan itu.

- (b) Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meneruskan dan memajukan industri ini adalah di antaranya:-
- (i) meneruskan usaha mempromosikan Malaysia di luar negeri;
 - (ii) memperbaiki kemudahan-kemudahan asas pelancongan;
 - (iii) meningkat serta memperbanyakkan hotel serta lain-lain jenis tempat penginapan;
 - (iv) mengenalpasti serta memajukan kawasan-kawasan yang berpotensi dari segi pelancongan; dan
 - (v) meneruskan usaha menyedarkan rakyat tentang pentingnya industri pelancongan kepada peningkatan ekonomi negara.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat sekarang apakah projek-projek yang paling berjaya untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan nyatakan negeri-negeri yang terlibat dalamnya?

Yang kedua, bagaimanakah Kerajaan Pusat melibatkan diri dengan projek-projek yang dijalankan oleh negeri-negeri itu? Dan akhirnya, adakah kemungkinan negeri-negeri itu bergabung untuk mengadakan projek pelancongan secara besar-besaran?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, mengenai apakah projek-projek yang paling berjaya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya tugas utama Kementerian ini ialah untuk memperkenalkan Malaysia ataupun mengadakan promosi supaya Malaysia lebih dikenali sebagai satu destinasi pelancongan.

Di dalam kita mengadakan penggalakan serta membuat promosi ke luar negeri kita memberi perhatian untuk memperkenalkan Malaysia sebagai satu destinasi. Di samping itu, jika ada negeri-negeri yang ingin melibatkan dalam promosi itu, sudah tentulah kita menjemput mereka bersama-sama dalam penggalakan dan promosi yang kita buat di luar negeri.

Nampaknya dari segi memperkenalkan Malaysia kita celah berjaya. Di mana sahaja yang kita pergi terutamanya kepada negara-negara ataupun pasaran-pasaran utama dalam strategi kita, kita telah dapat mengesani bahawa setelah kita mengadakan promosi dan penggalakan, memang dari segi kadar peningkatan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita telah meningkat dari satu masa ke satu masa.

Mengenai penglibatan Kerajaan Pusat dengan sebarang projek yang hendak diadakan oleh pihak Kerajaan Negeri, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu Jawatankuasa Induk Pelancongan yang mana semua pengerusi-pengerusi bagi hal-ehwal pelancongan negeri ada bersama dalam jawatankuasa tersebut dan di dalam Jawatankuasa Induk Pelancongan inilah kita membincangkan projek-projek bagi negeri-negeri ataupun projek-projek yang hendak dilaksanakan oleh pihak swasta di negeri-negeri yang berkenaan.

Jadi soal yang ketiga tidak timbul, kerana dalam Jawatankuasa Induk itu juga dibincang perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya soalan tambahan. Memandangkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini adalah satu yang boleh menunjukkan lambang negara kita, soalannya, sudah wujudkah jabatan-jabatan di tiap-tiap daerah iaitu Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan? Kerana saya tidak nampaklah di daerah saya di mana letaknya. Tidak tahulah kalau saya tidak nampak. Tetapi apa yang saya tahu bahawa Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini masih lagi belum wujud di tiap-tiap daerah. Jadi itulah soalan saya.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dahulunya bahagian kebudayaan adalah merupakan juga sebahagian daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Setelah kita tubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan maka bahagian kebudayaan telah masuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Jadi dari segi asalnya, pada mulanya kebudayaan merupakan sebagai Senarai Negeri tetapi oleh kerana Kerajaan telahpun mengadakan pindaan Perlembagaan, saya ingat setahun yang lalu, maka perkara ini sedang diberi perhatian yang berat oleh Kementerian di mana pada masa sekarang pihak agensi-agensi pusat Kerajaan telahpun bersedia untuk menerima cadangan-cadangan daripada Kementerian dan perundingan-perundingan terus kita adakan. Setakat ini kita mengadakan jabatan ataupun wakil kita di peringkat negeri di mana melalui peringkat negeri ini mereka melaksanakan tugas untuk peringkat-peringkat daerah dan sebagainya. Dan, insya Allah, kita akan

akan teruskan supaya sehingga sampai kepada peringkat daerah. Kalaupun tidak sampai ke peringkat daerah, barangkali kita akan mengadakan zon di tiap-tiap negeri. Mungkin bagi satu negeri dua ataupun tiga zon buat permulaannya dan seterusnya begitulah tertakluk kepada kemampuan dan keadaan kewangan Kerajaan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan yang memperkenalkan pelancongan yang begitu hebat pada tahun-tahun yang sudah, saya ucapkan terima kasih. Di samping itu, selain daripada TDC terdapat juga badan-badan kebajikan seperti Kelab Cinta Malaysia yang telah memainkan peranan yang begitu penting menerusi siaran-siaran mass-media.

Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada benar ataupun tidak Kelab Cinta Malaysia ini telah tidak dapat kerjasama daripada pihak TDC dan Kementerian?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, jika ada rungutan tersebut ianya tidaklah benar. Sebenarnya Kementerian memberi kerjasama yang begitu baik sekali kepada Kelab Cinta Malaysia sehinggakan kita memberi tempat ataupun ruang pejabat di Pejabat TDC yang kita ada.

KRISIS TELUK - KESAN BAIK-BURUKNYA

12. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah baik-buruknya yang melanda negara kita akibat dari krisis Teluk;
- (b) apakah kedudukan Kerajaan kita terhadap krisis **ini**; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan kita mempunyai cadangan untuk menghantar pasukan keselamatan negara ke Teluk di atas permintaan Jawatankuasa Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengenai baik-buruknya akibat krisis Teluk ke atas negara kita, sebuah Jawatankuasa telah dibentuk dan diketuai oleh Unit Perancang Ekonomi dan wakil-wakilnya terdiri dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Luar Negeri dan lain-lain jabatan Kerajaan. Kementerian-kementerian yang terlibat telah diarah mengkaji secara terperinci dan melaporkan kepada Kerajaan mengenai hal **ini**. Kita akan menggunakan hasil kajian tersebut untuk merangka tindakan seterusnya dalam menghadapi kesan

krisis Teluk. Memang tidak dapat dinafi ada baik buruknya kesan krisis Teluk ke atas negara kita. Kesan-kesan kepada bidang seperti pelancongan, pengeksportan, kadar inflasi, insurans dan freight charges sudahpun dirasai. Walau bagaimanapun, dengan tamatnya perang Teluk ini, keadaan ekonomi dunia dijangka dapat dipulihkan seperti sediakala.

- (b) Soalan ini telah dijawab dengan panjang-lebar di Dewan yang mulia ini pada 17hb Disember yang lalu.
- (c) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menghubungi negara-negara anggota termasuk Malaysia berkenaan dengan kemungkinan penempatan pasukan pengaman di Iraq-Kuwait. Walau bagaimanapun, setakat iai PBB belum lagi membuat keputusan berkenaan keperluan penempatan pasukan tersebut. Oleh itu, Kerajaan, akan menimbangkan permohonan ini sekiranya PBB membuat keputusan untuk melaksanakan penempatan pasukan pengaman di Iraq-Kuwait.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar perhubungan baik antara negara kita dan Iraq telahpun terjejas kerana Malaysia telah mengambil bahagian di dalam pengundian di Majlis Keselamatan PBB? Apakah langkah-langkah pertolongan akan diberi oleh Kerajaan kita terhadap negara Iraq?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berhasrat memusuhi mana-mana negara. Pendirian Kerajaan adalah berdasarkan kepada prinsip. Oleh itu,

pada jangka panjang, kita tidak merasakan pendirian seperti ini akan menjejaskan kepentingan negara kita.

Dari segi apa yang boleh diberikan oleh Kerajaan kepada negara Iraq, kita telahpun melancarkan Tabung Perang Teluk dan sebahagian daripada bantuan ini akan disalurkan kepada rakyat di negara Iraq.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - KEMAMPUAN DETERRENT

13. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah penekanan dan **prioriti** Kementerian setelah perang dingin antara Blok Timur dan Barat tamat. Apakah Angkatan Bersenjata Malaysia mempunyai kemampuan "deterrent" untuk menjamin dasar berkecualinya serta memandangkan kepesatan pembangunan ketenteraan negara-negara jiran.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, semasa negara ini menghadapi ancaman gerila komunis, penekanan pertahanan negara adalah selaras dengan peperangan menentang insurgensi. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang penekanaan pertahanan negara adalah kepada peperangan secara konvensional. Program meningkatkan keupayaan pertahanan ketika ini adalah untuk memenuhi keperluan pertahanan negara dan ianya tidak dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku di Eropah Timur.

Soal sama ada Angkatan Tentera Malaysia mempunyai kemampuan deterrent, dengan izin, bagi menjamin dasar berkecuali negara harus dilihat dari sudut yang lebih luas.

Dasar berkecuali negara adalah dalatn konceks seraatau iaitu

ZOPFAN dan ASEAN. Kejayaan dasar ini lebih bergantung kepada usaha-usaha diplomatik terutamanya bagi mendapatkan sokongan dan komitmen negara-negara lain khususnya kuasa-kuasa besar. Dalam masa yang sama, negara kita perlu mempunyai keupayaan pertahanannya sendiri pada tahap yang lebih tinggi lagi bagi menguatkuasakan dasar ini kelak. Kepsatan pembangunan ketenteraan negara-negara jiran hendaklah dianggap secara positif bagi usaha untuk merealisasikan dasar berkecuali rantau ini amnya dan Malaysia khususnya.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sejauhmanakah penekanan kepada persediaan cara-cara peperangan konvensional mengambil kira perkembangan-perkembangan terakhir yang berlaku kepada strategi kita ini sesudah mengambilkira apa yang berlaku di Timur Tengah? Misalnya dalam peperangan konvensional, keperluan-keperluan alat-alat ketenteraan secara yang lebih banyak perlu diadakan.

Yang keduanya, dalam strategi peperangan konvensional ini juga, dalam konteks dengan jiran-jiran kita, apakah kita bersedia dengan konsep yang mungkin diamalkan oleh sebuah negara jiran yang mempunyai strategi yang dipinjam, malahan ditiru dari sebuah negara Timur Tengah iaitu first strike strategy? Apakah kita mempunyai kemampuan-kemampuan alat-alat peperangan misalnya kapal terbang sepertimana kita lihat dalam peperangan di Timur Tengah. Berkait dengan ini juga, apakah askar-askar kita mempunyai kebolehan

dan kemampuan untuk menguasai teknologi-teknologi moden dalam menghadapi peperangan sepertimana yang kita lihat di Timur Tengah?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, falsafah negara kita dalam menentukan keperluan pertahanan negara tidak boleh diasaskan kepada perkembangan semasa di dunia. Kita tidak mampu mempunyai sebuah pendekatan yang **bercorak reactive**, dengan izin, tetapi kita mesti mempunyai dasar pertahanan negara yang menentukan beberapa objektif dari segi peningkatan keperluan pertahanan negara kita.

Dasar Pertahanan Negara sudah diluluskan oleh Kerajaan yang menggariskan peranan-peranan dan skop yang perlu dimainkan oleh Pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kita. Untuk memenuhi objektif-objektif **ini**, kita sedang dalam proses memodenkan dan di samping itu memperkuatkan lagi keupayaan dan kemampuan ATM. Program ini akan memakan masa yang lebih lama, dijangka sekurang-kurangnya tempoh 10 tahun akan datang kerana keperluan dari segi kemampuan kewangan untuk mengadakan sebuah Pasukan Angkatan Tentera yang moden dengan peralatan yang canggih atau sophisticated akan menelan belanja yang begitu besar sekali. Walau bagaimanapun, program ini tetap akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Sama ada kita ada keupayaan 'deterrent' untuk menghadapi perkembangan yang berlaku berkaitan dengan strategi sebuah negara jiran kita, kita amat memahami perkembangan yang berlaku di negara-negara jiran kita dan di dalam keadaan sekarang, kita dapati tidak ada untungnya dan negara yang berkenaan pua mengetahui tidak ada faedahnya kalau sekiranya mereka menimbulkan persengketaan.

Dari segi penguasaan teknologi moden, kita memerlukan apa yang disifatkan sebagai 'learning curve', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menguasai teknologi moden. Misalnya kalau kita hendak membeli kapalselam, kita memerlukan tempoh lebih kurang 10 tahun sebelum kita menguasai sepenuhnya teknologi kapalselam.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pendek sahaja. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya rasa bahawa Dasar Pertahanan Negara kita lebih bertumpu kepada masalah-masalah defensive dan kegunaan dalam negeri. Saya ingin tahu, sejauhmanakah keupayan logistik kita pula sekiranya ada sesuatu yang tidak diingini berlaku di seberang, di sebelah Malaysia Timur misalnya terutama dari segi pengangkutan dan sebagainya?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memaksudkan Dasar Pertahanan Negara kita terlalu defensive. Sebenarnya kita telah menerima tiga konsep penting iaitu:-

- (a) Konsep deterrent force;
- (b) Konsep forward defence; dan
- (c) Konsep total defence.

Tetapi kita masih belum dapat memenuhi ketiga-tiga konsep pada masa sekarang ini. Dari segi keupayaan logistical support, saya telah menyarankan supaya sebuah pasukan rapid deployment force diwujudkan secepat mungkin. Program ini dalam pelaksanaan ATM. Walau bagaimanapun, kita masih berkurangan beberapa keperluan ,seperti kapal terbang pengangkutan yang agak terbatas pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir sekali dari Jeneral Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kesenjataan moden itu sangat diperlukan sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi, akan tetapi moden dengan tidak bersemangat kepada tentera yang memegang senjata itu mungkin terganggu kekuatan kita. Soalan saya, adakah ditekankan begitu kencang juga latihan dari segi menghidupkan semangat mereka seperti semangat kepahlawanan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sentiasa ditekankan oleh pihak ATM, malah moral pasukan askar kita sentiasa diukur dan dikesan oleh pihak Kerajaan. Dalam hubungan ini, satu faktor yang boleh meningkatkan moral Angkatan Tentera kita ialah dengan adanya kemudahan perumahan yang selesa. Sebab itu, kita memberi keutamaan yang cukup tinggi dalam bidang ini.

PERANGKAP KILAT RADIOAKTIF

14. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai Lembaga Lesen Tenaga Atom atau Atomic Energy Licensing Board, yang telah mengesan sekurang-kurangnya 150 alat-alat petir yang mengandungi AM-241, sejenis bahan radioaktif, di bangunan-bangunan pencakar langit:

- (a) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menasihatkan pemilik-pemilik itu tentang bahaya yang kuat dari alat-alat perangkap itu;
- (b) bilangan pemilik bangunan yang menggunakan alat-alat perangkap petir yang telah diharamkan, tetapi mereka masih belum mendaftarkan diri dengan Lembaga itu; dan
- (c) usaha-usaha yang diambil untuk menyelesaikan masalah itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng

Ding]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab bahagian (a), dimaklumkan bahawa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) menyiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan berhubung dengan bahaya yang mungkin timbul akibat daripada penggunaan perangkap kilat yang mengandungi bahan radioaktif;
 - (ii) mengedarkan surat-surat penerangan kepada pihak syarikat ataupun orang perseorangan yang berkemungkinan menggunakan perangkap kilat yang mengandungi bahan radioaktif;
 - (iii) mengeluarkan notis amaran Kerajaan melalut akhbar-akhbar tempatan supaya pemilik-pemilik perangkap kilat yang mengandungi bahan radioaktif mendaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.
- (b) Bilangan pemilik yang menggunakan alat perangkap kilat yang mengandungi bahan radioaktif adalah dianggarkan antara 50 dan 150. Sehingga 30hb

Disember 1990, iaitu tarikh terakhir untuk pendaftaran, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah menerima sebanyak 58 permohonan daripada pemilik perangkap kilat yang mengandungi bahan radioaktif untuk mendattar.

- (c) Pihak Kerajaan telah memberi tempoh yang secukupnya bagi pemilik-pemilik perangkap kilat yang mengandungi bahan radioaktif untuk mendaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom sebelum 30hb Disember 1990. Oleh kerana itu, tindakan akan diambil terhadap pemilik-pemilik yang belum mendaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom tersebut selepas 30hb Disember 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tambahan sahaja.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Petua, soalan tambahan. Sehingga sekarang, berapa kes kejadian radioaktit akibat dari alat alat yang mengandungi AM-241 yang telah dilaporkan di negara kita dan di dunia?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak ada angka di sini, tetapi di dalam negeri, saya tidak ada apa-apa maklumat mengenai kejadian akibat dari penggunaan jenis perangkap kilat yang disebutkan oleh Yang Berhormat **itu**.

DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA -
BANTUAN KEWANGAN

15. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah pihak Kementerian tidak menyalurkan sumbangan kewangan terhadap Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia supaya aktiviti dan pentadbirannya tidak terjejas dengan masalah kewangan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia ialah sebuah badan persendirian yang ditubuhkan di atas inisiatif Mesyuarat Pernigaaan dan Perusahaan Melayu. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab badan itu sendiri untuk memastikan supaya aktiviti dan pentadbirannya tidak terjejas dengan masalah kewangan. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi sumbangan kewangan kepada badan berkenaan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti dan pentadbirannya.

**BANGUNAN TINGGI/KOMPLEKS MEMBELI-BELAH - SISTEM
PENCEGAH KEBAKARAN**

16. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan dari bangunan-bangunan tinggi lama dan kompleks membeli-belah di bandaraya tidak dilengkapi dengan alat-alat mencegah kebakaran yang mencukupi serta kekurangan ciri-ciri keselamatan. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan daya mencegah kebakaran bangunan-bangunan dan kompleks-kompleks yang tersebut di atas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar masih ada bangunan tinggi yang lama dan pusat membeli-belah yang tidak dilengkapi dengan sistem pencegah kebakaran dan ciri-ciri keselamatan yang secukupnya.

Namun begitu, bilangan dan tahap bahayanya adalah terkawal. Usaha-usaha menaikkan taraf keselamatan bangunan-bangunan seperti ini sedang giat dilaksanakan. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan sahaja, sebanyak 1.331 premis telah diperiksa dalam tahun 1990 untuk tujuan meningkatkan taraf keselamatan. Daripada jumlah ini, sebanyak 144 bangunan adalah bangunan tinggi dan pusat membeli-belah.

Ciri utama yang dititikberatkan dalam usaha menaikkan taraf ini ialah aspek melepaskan diri semasa kecemasan, iaitu untuk membolehkan penghuni keluar dari bangunan dengan selamat sekiranya berlaku kecemasan. Ini dilakukan dengan memastikan bilangan tangga yang mencukupi dan laluan tidak dihalang. Usaha melengkapkan bangunan-bangunan ini dengan sistem pencegahan yang secukupnya dijalankan secara berperingkat-peringkat kerana Kerajaan menyedari bahawa ianya melibatkan kos yang tinggi dan tidak kurang juga yang membabitkan struktur bangunan yang menyebabkan usaha menaikkan taraf ini menjadi lebih rumit.

Tuan David Yeoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kekerapan pihak penguatkuasa yang berkaitan dalam menjalankan tugas untuk mengetahui keadaan bangunan yang sebenar supaya langkah konkrit dapat diambil untuk mencegah kebakaran?

Yang kedua, sekiranya terdapat pihak penghuni tidak mematuhi undang-undang terhadap keselamatan bangunan, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemeriksaan itu, sebenarnya pemeriksaan ke bangunan-bangunan itu dilakukan setiap masa bergantung kepada keperluan.

Soalan kedua itu tentang tuanpunya bangunan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, maka mereka boleh didenda di bawah undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua soalan telah dijawab dan kita terus pergi ke urusan yang lain sekarang.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA URUSAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan iai akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (28hb Februari, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung jawapannya.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk terus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator P. Balaram yang menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan soal penyelewengan. Di antara contoh-contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat ialah pekerja menggunakan wang yang dikeluarkan itu untuk tujuan selain daripada yang dimaksudkan, selain dari yang diizinkan oleh peruntukan undang-undang.

Saya,ingin merujuk kepada Fasal 54(5) di mana ada peruntukan, di mana pekerja yang tidak menggunakan wang yang dikeluarkan itu hendaklah memulangkannya semula di dalam masa 6 bulan daripada tarikh pengeluaran dibuat dan jika tidak menjadi suatu kesalahan.

Yang Berhormat Tuan P. Balaram juga menyentuh tentang kemungkinan ada di antara panel doktor yang menyalahgunakan peranannya sehinggakan mengizinkan penyelewengan berlaku. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini KWSP dari masa ke semasa mengkaji panel doktornya dan telah pernah menggugurkan doktor daripada panel apabila didapati doktor-doktor tersebut menipu KWSP. Kemudian, ada juga kes di mana Yang Berhormat Tuan P. Balaram menyentuh tentang kematian yang dipalsukan. Bahawa KWSP sedar kemungkinan perkara ini berlaku dan ada kes-kes yang benar berlaku. Dalam hal ini KWSP berusaha untuk mengawal dan membanteras penipuan ini dengan cara mengenakan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang lebih ketat lagi di mana sijil kematian diperlukan dan jika sekiranya kematian itu berlaku di luar negeri maka pengesahan daripada pihak Pesuruhjaya Tinggi atau High Commissioner, dengan izin, sesebuah negara itu untuk mensahehkan kematian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan-penyelewengan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan P. Balaram itu sebahagian daripadanya diharapkan dapat dikawal melalui peruntukan undang-undang seperti yang terkandung dalam Fasal 41 di mana adalah menjadi tugas sesuatu perbadanan, sesuatu firma untuk memberitahu KWSP tentang pemerbadanannya dan juga pendaftaran syarikat dan perbadanan tersebut. Dan di dalam Fasal 41(1) adalah menjadi tugas majikan untuk mendaftarkan kegiatannya dengan KWSP dan dalam Fasal 42(1) dan juga (2), tugas diberikan dan tanggungjawab diletakkan kepada majikan untuk menyediakan dan memberikan penyata upah pekerja-pekerjanya. Jadi, adalah diharapkan melalui peruntukan undang-undang ini dan berdasarkan kepada peraturan dan cara pentadbiran dan kaedah yang digunakan

oleh KWSP, maka penyelewengan-penyelewengan itu dapat dikawal dan dibanteras supaya tidak berlaku dan merupakan masalah kepada keyakinan terhadap KWSP.

Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator P. Balaram mengenai kemudahan pendidikan daripada sumber KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini, bahawa rata-rata lebih kurang 85% daripada nilai caruman pencarum-pencarum dalam KWSP tidak lebih daripada \$10,000. Oleh yang demikian, sebahagian besar daripada pencarum adalah tergolong dalam kumpulan yang mempunyai simpanan KWSP yang agak sedikit dari segi nilainya. Dan jika sekiranya kemudahan-kemudahan untuk mengeluarkan caruman tersebut ditambah lagi dengan cadangan seperti kemudahan pendidikan, maka besar kemungkinan caruman 85% daripada pencarum-pencarum akan terhakis dan apabila tiba masa mereka masuk umur untuk bersara, maka ganjaran daripada KWSP akan hanya merupakan saki-baki, daripada keluaran-keluaran yang dibuat lebih awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menyediakan kemudahan pendidikan daripada sumber KWSP telahpun dikaji oleh pihak KWSP dan didapati bahawa bukan sahaja sebab yang telah saya sebutkan tadi bahkan sebab untuk mentadbirkannya, dalam soal mengesahkannya, men-sahehkan tentang yuran pembelajaran dan sebagainya merupakan satu perkara yang agak rumit. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan untuk mengeluarkan caruman-caruman sama ada dalam bentuk kurang upaya, masuk umur 50 tahun, meninggalkan Malaysia selain daripada Singapura dan tidak bercadang untuk balik ke Malaysia, kemudahan untuk mengeluarkan caruman untuk membeli rumah kos rendah adalah kemudahan-kemudahan yang telahpun sedia ada dan boleh dikecapi oleh pihak pencarum-pencarum. Lebih daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan untuk menambah kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan. Yang pertamanya, saya ingin menyentuh tentang kemudahan pencen yang disebut walaupun di luar bidang kuasa peruntukan undang-undang ini, skim pencen pekerja estet.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan di sini kalau sekiranya kita hendak membandingkan kemudahan pencen ini adalah termaklum bahawa kemudahan pencen untuk kakitangan Kerajaan terkandung di dalam peruntukan Perlembagaan. Bukan sahaja itu, amalannya telahpun dibuat daripada dahulu sampailah sekarang. Maka kemudahan ini untuk memenuhi keperluan Perlembagaan dan juga amalan yang telahpun merupakan amalan menjadi satu kelaziman dari segi keistimewaannya dan juga kemudahan tersebut, maka kemudahan pencen untuk kakitangan Kerajaan diteruskan dan Kerajaan telahpun menyediakan kemudahan-kemudahan ini untuk mempertahankan kemudahan pencen.

Jika sekiranya kita hendak bercakap tentang kemudahan pencen untuk pekerja di ladang-ladang, maka perlu dibicarakan dengan semua pihak sama ada pihak majikan khususnya dan juga pihak pekerja untuk berunding ke arah kemudahan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan.

Seterusnya saya ingin menyebut tentang perkara mengenai soal kemudahan bangunan KWSP iaitu bangunan MAKUWASA yang tersergam di Kuala Lumpur disewakan kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan di mana kemudahan untuk disewa agak terhad maka ini adalah satu sumber yang agak lumayan yang digunakan oleh KWSP untuk tujuan pembayaran dividen kepada pencarum-pencarum. Adalah benar bahawa pejabat-pejabat KWSP ada di Petaling Jaya, ada di Jalan Gasing dan sebagainya dan adalah dimaklumkan di sini bahawa telahpun disetujui satu bangunan tambahan akan dibangunkan untuk menempatkan kesemua kakitangan KWSP di satu kawasan di Jalan Gasing.

Mengenai perkara yang dibangkitkan bahawa telefon KWSP tidak berjawab, saya ingin memaklumkan di sini bahawa KWSP telahpun menyediakan berbagai kemudahan untuk memastikan bahawa segala maklumat dapat disampaikan kepada pencarum-pencarum dengan secepat mungkin. Kalau pun ada masalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan mungkin tercetus daripada dua sebab.

Sebab yang pertama, sistem telekomunikasi tidak lagi pada tahap yang kita harapkan. Kalau itulah masalahnya, maka Yang Berhormat C. Krishnan sewajarnya membawa perkara ini kepada pihak Menteri Telekom dan bukan kepada saya. Kalau sekiranya bahawa masalah tidak berjawabnya panggilan telefon itu sehinggakan sampai terpaksa menunggu 5 atau 6 minit, ini mungkin kelemahan yang perlu diatasi dan ingin saya maklumkan di sini bahawa pihak KWSP sudahpun dan akan

memperkenalkan berbagai perkhidmatan, di antaranya perkhidmatan yang diperkenalkan adalah seperti berikut.

Pertama, apa yang dipanggil TEMU (T-E-M-U); kemudian satu kemudahan iaitu PAL (P-A-L) dan satu lagi adalah kemudahan hotline. Dengan peningkatan gred sistem komunikasi KWSP berkomputer, ketiga-tiga perkhidmatan ini akan dilancarkan, dan ada yang telah dilancarkan pada tahun 1990 dan akan dilancarkan pada tahun 1991.

Ketiga-tiga perkhidmatan ini dikatakan mengadakan kemudahan telefon talian terus kepada ahli-ahli kita iaitu telefon maklumat umum dan TEMU telahpun dilancarkan pada tahun 1990. Kemudahan ini dikatakan boleh menjawab terus pertanyaan-pertanyaan umum mengenai perkhidmatan dan prosedur-prosedur KWSP dan perkhidmatan hotline pula telahpun dilancarkan pada tahun lalu dan membolehkan ahli-ahli membuat panggilan mengenai pertanyaan-pertanyaan khusus seperti status permohonan pengeluaran dan ianya akan dijawab dengan sertamerta, kerana maklumat-maklumat tersebut boleh didapati daripada komputer. Ini adalah merupakan, Tuan Yang di-Pertua, di antara kemudahan-kemudahan telekomunikasi yang terakhir untuk memudahkan pencarum-pencarum mendapatkan maklumat terus menerus daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Mengenai pembayaran ansuran daripada kemudahan KWSP, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa jika seseorang sudahpun layak menerima pembayaran KWSP pada umur 55 tahun maka dia juga ada pilihan di mana pembayaran itu boleh diansurkan mengikut permintaannya sama ada berdasarkan kepada pembayaran tahun demi tahun berasaskan kepada dividen ataupun pembayaran beransur melalui

annuity daripada caruman yang dia berhak menerimanya selepas dia masuk umur 55 tahun. Jadi, ini adalah kemudahan bayaran ansuran dan dalam kes di mana mereka berhak mendapat pembayaran KWSP kerana sebab hilang keupayaan maka pembayarannya adalah dibuat 100%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali mengenai ciri-ciri profesionalisma yang sewajarnya wujud di kalangan kakitangan KWSP, lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang terdiri daripada Ahli-ahli Panel Pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pengalaman yang telahpun terhimpun selama 40 tahun dalam KWSP dengan latihan-latihan dan juga pendedahan-pendedahan di peringkat negeri dan antarabangsa, saya percaya ciri-ciri profesionalisma sudahpun dapat dibangunkan dan dikembangkan dan kita berharap bahawa dengan beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, yang boleh mengizinkan pihak Lembaga dan pihak Pengurusan untuk menggunakan kepakaran mereka dengan sebaik-baiknya, Tuan Yang di-Pertua, maka cadangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali supaya nama General Manager itu diubah kepada Managing Director, sebagai contoh, gajinya adalah setimpal dengan tugas dan tanggungjawabnya. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa apa ada pada nama kerana besar Kemungkinan banyak pengertian daripada sesuatu nama, lebih-lebih lagi jika sekiranya diasaskan kepada ganjaran-ganjaran yang agak lumayan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, KWSP perlu mengambil profile yang sewajarnya sebegitu rupa supaya tanggapan masyarakatnya dan penerimaan pencarum-pencarum khususnya bahawa KWSP adalah

sebuah institusi yang bertanggungjawab supaya ianya tidak menjadi tempat untuk keistimewaan-keistimewaan dari segi perbandingannya lebih daripada yang sewajarnya. Bahkan dalam suratkhbar hari ini pun ada komen-komen yang mengatakan bahawa jika sekiranya KWSP memerlukan kepada kepakaran yang sebaik-baiknya dan perlu didapatkan kepakaran itu, terutama sekali dalam soal pelaburan, maka pembayaran kepakaran tersebut bukanlah murah dan jika sekiranya pembayaran itu digunakan pada peratus yang tertentu, maka jika sekiranya pelaburan yang dibuat pada jumlah yang agak besar, maka pembayaran kepakaran itu dianggap terlalu tinggi, lebih-lebih lagi daripada kacamata pencarum-pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini perlu diimbangkan di antara meningkatkan, membangunkan profesionalisma di dalam pengurusan KWSP dengan apa yang dianggap wajar dan munasabah oleh masyarakat, khususnya, masyarakat pencarum-pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali yang mengatakan perlu dicari, misalnya, kumpulan profesional dalam soal pelaburan, saya ingin memaklumkan di sini sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pihak Panel Pelaburan sudahpun menggunakan pakar-pakar di sektor swasta untuk menjadi agen, penasihat dalam soal pelaburan. Tuan Yang di-Pertua, ini telahpun dilaksanakan dan saya percaya bahawa pengalaman yang ada mungkin digunakan untuk dijadikan sebagai panduan yang lebih berguna dan lebih berkesan pada masa-masa yang akan datang selaras dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa penjelasan dan juga jawapan-jawapan yang telah dapat saya sampaikan ekoran daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh empat Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Rang Undang-undang KWSP.

Saya sudah dengan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mengemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 86 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Jadual Keenam diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.24 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat), 1991" dibaca bagi kali kedua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan penubuhan suatu depository pusat untuk sekuriti-sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah suatu syarikat yang terhad mengikut gerenti yang bertanggungjawab menubuh dan menyenggara pasaran saham di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1973. Semenjak penubuhannya, pasaran saham tersebut telah berkembang begitu pesat terutamanya dari segi jumlah perdagangan harian, jumlah sekuriti yang disenaraikan, pembangunan fizikal dan sebagainya sesuai dengan dasar Kerajaan yang menggalakkan perkembangan positif pasaran modal negara.

Salah satu faktor penting yang menunjangi perkembangan tersebut ialah penubuhan suatu tempat penjelasan dan juga tempat penyelesaian yang cekap yang dikendalikan oleh sebuah anak syarikat BSKL yang bernama Securities Clearing Automated Network Services (Sdn.) Bhd., atau ringkasnya SCANS. Syarikat ini bertanggungjawab untuk mewujudkan suatu sistem yang menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi memastikan penjelasan skrip dan penyelesaian akaun-akaun bagi semua perdagangan sekuriti di pasaran saham.

Pada pertengahan tahun 1989, dalam usahanya untuk mewujudkan perdagangan sekuriti yang lebih maju, BSKL telah melaksanakan suatu sistem yang dipanggil "System On Computerised Order Routing and Execution" atau ringkasnya SCORE. Dengan terlaksananya sistem ini, semua perniagaan sekuriti kini dikendalikan melalui terminal-terminal komputer yang terletak di tempat perdagangan BSKL dan di premis broker-broker awam.

Selaras dengan arah perkembangan yang terdapat di bursa-bursa saham di seluruh dunia dan untuk mewujudkan suatu sistem penyelesaian yang lebih cekap bagi menghadapi jumlah perdagangan yang meningkat dengan mendadaknyanya, terutamanya semenjak pemisahan BSKL dan Bursa Saham Singapura, BSKL telah membuat keputusan untuk menubuhkan suatu depository pusat yang akan bertanggungjawab untuk menyimpan semua skrip-skrip yang diniagakan di pasaran sahamnya. Berikutan keputusan itu, suatu Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada beberapa orang ahli Jawatankuasa BSKL, wakil Kementerian Kewangan, wakil Pendaftar Syarikat, wakil Bank Negara, perunding-perunding, wakil Pertubuhan Bank-bank Malaysia dan peguam-peguam, telah ditubuhkan untuk melaksanakan rancangan penubuhan depository pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas pertimbangan terhadap cadangan yang terkandung dalam Rang Undang-undang adalah seperti berikut:

Pertamanya, mewujudkan sistem penyelesaian yang lebih cakap dan lebih maju. Di bawah sistem penyelesaian yang dilaksanakan pada masa ini, setelah sesuatu perdagangan sekuriti dibuat, penjual sekuriti berkenaan hendaklah menyerahkan skripnya bersama-sama dengan suratcara pemindahan kepada broker sahamnya selewat-lewatnya pada hari keempat selepas tarikh perdagangan itu. Setelah skrip dan suratcara itu diserahkan kepada broker saham, broker tersebut hendaklah pada hari berikutnya, iaitu hari penyelesaian, menghantar dokumen-dokumen tersebut kepada SCANS untuk menyelesaikan perdagangan sekuriti berkenaan.

Di pihak pembeli pula, pembeli berkenaan hendaklah

membuat bayaran kepada broker sahamnya selewat-lewatnya juga pada hari keempat selepas tarikh perdagangan itu dibuat untuk membolehkan broker yang berkenaan membuat bayaran kepada SCANS pada hari berikutnya.

Setelah menerima bayaran daripada broker saham pembeli, SCANS akan menyerahkan kepada broker tersebut skrip dan suratcara pemindahan yang diterimanya daripada broker saham penjual dan pada masa yang sama, bayaran yang diterima oleh SCANS daripada broker saham pembeli akan dikreditkan ke dalam akaun broker saham penjual.

Dalam suasana peningkatan aktiviti-aktiviti perdagangan yang cergas, sistem itu jelas melibatkan pergerakan ratusan ribu skrip dan suratcara pemindahan pada setiap hari dari satu pihak kepada pihak yang lain sebelum perdagangan-perdagangan yang dibuat dapat diselesaikan. Keadaan demikian lebih merumitkan jika pembeli dan penjual yang terlibat dalam sesuatu perdagangan berada di luar Bandaraya Kuala Lumpur dan di tempat yang berlainan pula,

Salah satu masalah yang timbul daripada sistem penyelesaian tersebut ialah berlakunya kelambatan penyerahan skrip dan suratcara pemindahan yang akhirnya mengakibatkan perdagangan-perdagangan yang dilaksanakan tidak dapat diselesaikan. Lebih buruk lagi, seperti yang telah pernah berlaku pada awal tahun lepas iaitu kehilangan ribuan skrip serta suratcara pemindahan, maka tidak syak lagi masalah tersebut boleh menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur, terutamanya pelabur-pelabur luar negeri.

Berikutan masalah tersebut, maka BSKL telah segera bertindak dengan melaksanakan beberapa prosedur yang sesuai bagi menyelesaikannya, tetapi ianya tidaklah boleh menghapuskan sepenuhnya

masalah yang dihadapi akibat daripada pergerakan dokumen-dokumen yang akan terus meningkat selari dengan penambahan sekuriti-sekuriti vane disenaraikan di senarai rasmi.

Bagi mengelak daripada berulangnya masalah sedemikian, pergerakan skrip-skrip dan suratcara-suratcara pemindahan hendaklah diberhentikan dan ianya boleh dilaksanakan melalui penubuhan suatu depository pusat yang bertanggungjawab menyimpan kesemua skrip yang mewakili sekuriti-sekuriti yang diniagakan di pasaran saham.

Dengan penubuhan depositori pusat sekuriti-sekuriti yang dipunyai oleh seseorang pelabur akan dikreditkan ke dalam akaun yang dibuka untuknya oleh depositori pusat. Jika pelabur itu menjual mana-mana sekuriti dalam akaunnya, sekuriti tersebut akan didebitkan oleh depositori pusat. Di pihak pembeli sekuriti pula, setelah ia membuat bayaran yang sepatutnya, akaunnya akan dikreditkan dengan sekuriti-sekuriti yang dibelinya. Dengan kata lain, penyelesaian perdagangan sekuriti hanya melibatkan proses catatan buku (book and fee process) dalam akaun-akaun penjual dan pembeli yang dikendalikan oleh depositori pusat.

Jelasnya di samping menghapuskan masalah-masalah yang timbul daripada pergerakan skrip dan suratcara pemindahan yang banyak, pelaksanaan sistem ini juga akan memudahkan dan meningkatkan kecekapan proses penyelesaian perdagangan sekuriti di pasaran saham.

Penubuhan depositori pusat seumpama ini adalah merupakan salah satu daripada cadangan yang dibuat pada awal tahun lepas oleh sekumpulan bank-bank antarabangsa dan pakar-pakar sekuriti yang dikenali sebagai "Group of Thirty", dengan izin, bagi memperbaiki dan menyelaraskan sistem penyelesaian perniagaan sekuriti di seluruh dunia. Beberapa buah bursa saham utama termasuk di Amerika Syarikat, Korea dan Taiwan telah menubuhkan depositori-depositori seumpama ini.

Seterusnya, tujuan untuk mengesan dan menghapuskan kewujudan skrip-skrip palsu di pasaran saham. Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor utama yang boleh menjejaskan integriti pasaran saham ialah kewujudan skrip-skrip palsu dalam pasaran. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, BSKL telah dapat mengesari skrip-skrip sedemikian dan jumlahnya jika tidak dikawal secara efektif mungkin akan bertambah.

Dengan tertubuhnya depository pusat yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini, semua skrip-skrip dan suratcara pemindahan akan dikehendaki oleh BSKL supaya diserahkan kepada depository pusat yang kemudiannya akan dihantar kepada syarikat-syarikat yang menerbitkan sekuriti-sekuriti berkenaan untuk ditentukan sebelum disimpan oleh depository pusat. Tujuan prosedur ini ialah untuk mengesan kesemua skrip yang palsu dan skrip yang dilaporkan hilang. Deraf Rang Undang-undang yang dibentangkan mengandungi beberapa peruntukan mengenai prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh depository pusat dan syarikat-syarikat yang menerbitkan sekuriti-sekuriti yang berkenaan.

Seterusnya ialah untuk tujuan memperkukuhkan perkembangan pasaran saham tempatan. Tuan Yang di-Pertua, antara tujuan utama pemisahan BSKL dan Bursa Saham Singapura ialah untuk memperkukuhkan perkembangan pasaran saham tempatan. Dengan pemisahan tersebut ke semua sekuriti syarikat yang beroperasi di Malaysia tidak dibenarkan disenaraikan di Bursa Saham Singapura. Ini bermakna bahawa sekuriti-sekuriti itu hanya boleh diniagakan di pasaran saham tempatan. Langkah ini memberi kesan yang bermakna kepada pasaran modal negara kerana pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur dalam syarikat-syarikat di Malaysia hendaklah membuat pelaburan mereka melalui pasaran saham tempatan.

Kesan daripada pemisahan tersebut dapat dilihat dengan jelasnya sebaik sahaja ianya dilaksanakan. Dagangan harian di pasaran saham tempatan secara mendadak meningkat sehingga sukar dikendalikan. Manakala ,perniagaan sekuriti di pasaran saham Bursa Saham Singapura pula mengalami kemerosotan perniagaan yang jelas.

Keadaan tersebut telah memaksa Bursa Saham Singapura menubuhkan suatu pasaran saham tidak rasmi yang dikenali sebagai Central Limit

Order Book (CLOB). Tujuan penubuhan pasaran tersebut ialah untuk memastikan sekuriti syarikat-syarikat Malaysia terus diniagakan di pasaran modal Republik Singapura.

Kewujudan pasaran sedemikian sedikit sebanyak boleh menjejaskan matlamat pemisahan BSKL dan Bursa Saham Singapura. Dalam konteks ini, penubuhan depository pusat boleh mengurangkan aktiviti-aktiviti perdagangan di pasaran yang berkenaan. Ini adalah kerana operasi sesuatu pasaran seumpama itu bergantung kepada kewujudan skrip-skrip dan suratcara-suratcara pemindahan di pasaran tersebut. Jika skrip dan suratcara pemindahan didepositkan dengan depository pusat yang dicadangkan, maka aktiviti di pasaran tersebut dengan sendirinya akan berkurangan dan akhirnya mungkin boleh diberhentikan.

Di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan terdapat peruntukan mengenai pendepositan skrip dan suratcara pemindahan oleh pelabur-pelabur dan juga mengenai hak mereka untuk mengeluarkan skrip-skrip yang telah didepositkan itu. Bagi mengawal jumlah skrip-skrip yang tidak didepositkan dengan depository pusat, BSKL diberi kuasa, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, untuk menghadkan jumlah pengeluaran skrip-skrip dari masa ke semasa dan juga jika difikirkannya patut melarang pengeluaran skrip-skrip daripada depository pusat. Dengan kuasa yang diberikan itu, BSKL sudah tentunya dapat berfungsi dengan lebih berkesan untuk memperkukuhkan perkembangan pasaran saham tempatan.

Seterusnya, Rang Undang-undang ini dibuat untuk melindungi kepentingan para pelabur. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sesuatu depository pusat sepertimana dibincangkan di atas boleh mempengaruhi perkembangan pasaran modal negara ini, adalah penting penubuhan dan aspek-aspek tertentu operasinya dikawalselia sepertimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Dua aspek penting operasi depository pusat ialah:

- (i) pemegang dan penjagaan selamat sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengannya; dan
- (ii) pelaksanaan urusan-urusan sekuriti-sekuriti tersebut disempurnakan melalui proses catatan buku dalam akaun pelabur-pelabur yang dibuka dan diselenggarakan oleh depository pusat untuk mereka.

Di bawah Rang Undang-undang ini, seseorang adalah dilarang daripada menubuhkan atau menyelenggara suatu depository pusat kecuali suatu kelulusan bertulis telah diberi oleh Menteri Kewangan. Larangan ini adalah penting kerana setiap skrip-skrip dan surat-cara-suratcara pemindahan yang berada dalam jagaan depository pusat adalah merupakan suatu aset yang bernilai dan boleh dijual pada bila-bila masa di pasaran saham. Dengan larangan sedemikian, kepentingan para pelabur sudah tentunya akan dapat dilindungi.

Sebelum meluluskan sesuatu permohonan untuk menubuh dan menyelenggara sesuatu depository pusat Menteri Kewangan hendaklah berpuas hati dengan beberapa perkara yang dinyatakan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini. Antaranya ialah pemohon telah membuat peraturan-peraturan yang memuaskan -

- (i) berkenaan dengan pemegangan, pengeluaran dan pemindahan sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengan depository pusat yang dicadang ditubuhkan oleh pemohon tersebut;
- (ii) bagi pemerosesan urusan-urusan sekuriti yang didepositkan;
- (iii) bagi perlindungan kepentingan-kepentingan pendeposit-pendeposit sekuriti-sekuriti dan pengawalan maklumat mengenai sekuriti-sekuriti mereka dan urusan-urusan yang dilaksanakan.

Di samping itu, Menteri juga diberi kuasa ketika meluluskan sesuatu permohonan mengenakan syarat-syarat tertentu seperti ketetapan mengenai modal berbayar pemohon dan juga pemegangan saham dalam modal syer pemohon.

Seterusnya, Menteri juga boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat untuk memberi nasihat atau membuat cadangan kepada depositori pusat berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatannya dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat tersebut akan dilantik oleh Menteri.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Rang Undang-undang ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan untuk mengawal cacatan-catatan yang dibuat dalam akaun-akaun pendeposit. Setiap catatan dalam akaun-akaun tersebut hendaklah menyatakan masa, tarikh dan orang yang membuat catatan itu. Hal iai adalah penting kerana jika seseorang pelabur mempunyai sesuatu sekuriti dalam akaunnya, ia adalah- dikira sebagai anggota syarikat yang menerbitkan sekuriti tersebut dan dengan yang demikian berhak kepada semua hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan juga tertakluk kepada liabiliti, tugas dan obligasi yang terbit daripada sekuriti itu.

Peruntukan-peruntukan mengenai kerahsiaan adalah terkandung dalam Bahagian IV Rang Undang-undang. Secara ringkasnya, Bahagian ini menghendaki setiap depositori dan ejen-ejenya mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menjamin perlindungan kepada semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal pendeposit-pendeposit, khususnya akaun-akaun sekuriti mereka terhadap apa-apa akses yang tidak dibenarkan, pertukaran, pendedahan

dan penyebaran. Tanggungjawab sedemikian juga dikenakan ke atas pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai depositori pusat. Dalam Bahagian ini juga, Menteri Kewangan diberikuasa mengawalselia akses kepada sistem komputer yang ditubuhkan oleh sesuatu depositori pusat.

Fungsi-fungsi biasa sebuah bank berbeza dengan fungsi-fungsinya sebagai sesuatu ejen depositori yang diberikuasa. Berkenaan dengan fungsi biasa sebuah bank, peruntukan-peruntukan kerahsiaan yang terdapat di dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 tetap dikekalkan, Walau bagaimanapun, bagi fungsinya sebagai ejen depositori yang diberikuasa, Akta ini mempunyai peruntukan untuk membenarkan pendedahan maklumat atau dokumen kepada depositori pusat atau kepada Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan bagi depository-depository pusat, dan pendepositan, pemegangan, pengeluaran dan urusan-urusan sekuriti yang didepositkan dengannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara bersampingan dengannya. Sekarang perkara ini dibuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Dahalan.

4.01 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih oleh sebab memberi saya peluang untuk hendak membahaskan secara ringkas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti. (Depositori Pusat) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya hendak bahas secara khusus atas usul ini, nampaknya tidak begitu banyaklah dapat saya bercakapkan oleh sebab perkara ini begitu khusus. Tetapi bagaimanapun, sebagaimana disebut oleh Timbalan Menteri tadi, iaitu mengenai dengan matlamat-matlamat ataupun tujuan yang tertentu untuk mengadakan depository pusat **ini**. Yang penting seperti disebut tadi ialah ini sebagai satu asas sistem untuk pemindahan hakmilik sesuatu sekuriti melalui catatan buku berkomputer dan bukannya melalui penyerahan fizikal dan penyempurnaan suratcara iaitu skrip. Salah satu tujuan tadi ialah untuk hendak mengelakkan daripada pemalsuan skrip, Ini memanglah wajar oleh sebab seringkali kita terdengar laporan-laporan mengenai kegiatan **ini**. Saya percaya dengan sistem ini juga urusan pasaran saham dapat dipercepatkan dan ia akan lebih berkesan dan akan menjadi lebih besar.

Selain daripada itu, kita dapati di sini ada juga central control, dengan izin. Dengan ini pihak Kerajaan dapatlah saya rasa mengawalselia pengurusan pasaran saham tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kita maklum di dalam pasaran saham ini mengikut Rang Undang-undang **ini**, kita ada sekarang daripada satu pihak pembeli ataupun pelabur, kita ada agen-agen, kita ada depository pusat selain daripada Kerajaan sendiri. Yang penting sini ialah dari segi pembeli ataupun pelabur dan agen dan depository pusat. Yang mustahak saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, mengikut dalam cadangan di sini pemindahan hakmilik sesuatu sekuriti melalui catatan buku berkomputer. Jadi, bermakna kata dalam urusan ini komputer akan digunakan. Komputer ini sebagai orang sebut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, rubbish in rubbish out. Jadi, apa yang kita isi, itulah yang keluar. Jadi, sistem komputer **ini**, saya rasa patutlah kita betul-betul awasi. Di Amerika pun telah terjadi computer disease, semua sistem komputer di seluruh negara ataupun yang ada rangkaian, semua sistemnya sudah rosak, tidak tentu hala apa sudah jadi. Jadi kira pun bimbang juga kalau dengar introduksi sistem ini akan jadi juga di Malaysia.

Jadi, ini salah satu aspek yang saya ingat patut Kerajaan betul-betul pandang berat dan mengambil kira tentang pegawai-pegawai ataupun orang-orang yang hendak menjadi operator komputer-komputer itu. Mereka haruslah orang yang betul-betul jujur, orang yang betul-betul dapat screening dari pihak Kementerian sebelum dibenar menjalankan kerja di komputer ini untuk hendak mengelakkan apa yang telahpun berlaku di Amerika dan juga di negara kita tidak berapa lama dahulu iaitu di sistem banking yang berkomputer telahpun terjadi. Kalau sudah jadi di bank, saya fikir tidak mustahil kalau

ini juga terjadi di dalam pasaram saham tempatan. Mungkin dia akan menjadi lebih berleluasa lagi ataupun lebih besar lagi. Sesuatu blok kemungkinan berjuta-juta terus begitu ditransfer ke nama orang lain ataupun tidak tahu ke mana pergi. Jadi, inilah satu aspek rasa saya yang pihak Kerajaan harus meneliti.

Selain daripada itu, tadi Timbalan Menteri telahpun menyebut aspek confidentiality, dengan izin. Jadi, aspek ini pun saya harap pihak Kerajaan akan mengawal benar-benar oleh sebab ini pun bergantung kepada kejujuran orang yang mengendalikan komputer itu juga.

Selain daripada itu, kita dapati sungguhpun Kerajaan memper-setujui dengan sistem ini, tetapi tidak disebut tadi mengenai tindakan-tindakan sekiranya berlaku apa-apa penyelewengan. Jadi, inilah saya harap pihak Kerajaan akan mengambil berat iaitu kita mesti mengenalpasti kalau sesuatu penyelewengan berlaku siapakah akan menanggung sama ada egen-egenkah, sama ada pelabur-pelabur pula yang akan menanggung kerugian ataupun depositori pusat ataupun Kerajaan sendiri yang akan underwrite sekiranya belaku sesuatu penyelewengan yang menyebabkan kerugian.

luan Yang di-Pertua, inilah sahaja saya dapat menyampaikan dan dengan itu saya sekali lagi menyokong atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

4.48 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama memberi pandangan dan sokongan kepada Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Bursa Saham Kuala Lumpur kerana perkembangan yang pesat dalam mempertingkatkan prestasi dan organisasi Bursa Saham kita. Daripada sebuah Bursa Saham yang agak elementary beberapa tahun sebelum daripada ini, sekarang perkembangan Bursa Saham kita sudah sampai ke tahap yang boleh dibanggakan, malahan sekarang ini Bursa Saham kita disebut-sebut di pusat-pusat pasaran modal di luar negari juga. Malahan ada beberapa kaunter saham kita disebut di negari-negari lain, malahan masuk di dalam majalah-majalah antarabangsa seperti **Fortune**. Perkembangan ini amatlah membanggakan sekali.

Dan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kelak kecanggihan dan keterampilan Bursa Saham kita sudah pasti akan mencapai tahap yang lebih tinggi lagi dan ini akan menjamin keupayaan kita menghadapi cabaran perkembangan pasaran modal di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan yang begini pesat, dalam kecanggihan bidang ini, saya ingin membangkitkan beberapa perkara supaya tidak berulang perkara-perkara yang sudah berlaku di negeri-negeri lain. Pertamanya kerana keghairahan dalam bidang pelaburan ini sudah pasti akan ada "kambing hitam" dalam mana-mana pertubuhan apa lagi di dalam Bursa Saham yang mendatangkan keuntungan yang luar biasa kadang-kadang. Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan dan pihak Bursa Saham supaya mengawasi insider trading. Insider trading ini berleluasa di mana-mana Bursa Saham di dunia. Malahan ramai di antara mereka yang mempunyai maklumat-maklumat dalaman menjadi kaya-raya overnight, dengan izin, kerana mempunyai maklumat-maklumat untuk diniagakan dan hasil daripada ini kita dapati juga ada beberapa orang yang kaya-raya jatuh terhempas dalam sekelip mata dan mengakibatkan keruntuhan hampir keseluruhan satu sistem Bursa di negeri tertentu. Jadi saya bimbang perkara-perkara seperti ini mungkin berlaku di sini, malahan telahpun berlaku di sini dalam peristiwa Pan-El walaupun tidak secara langsung tetapi melibatkan banyak firma-firma yang jatuh terhempas hasil daripada insider trading dan manipulasi yang tidak

diingini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, kalau masalah perniagaan di dalam pasaran modal ini di bawa kepada logical conclusion di dalam tindak-tanduknya, ia akan berlaku sepertimana dalam keadaan yang ekstrim seperti di Taiwan, di mana ramai orang sekarang tidak bekerja, asyik menunggu untuk membeli dan menjual saham yang menjadikan keadaan seperti tempat berjudi. Tidakkah ada kemungkinan Bursa Saham kita dengan pesatnya berkembang akhirnya akan melemahkan orang-orang kita yang berwang untuk membeli dan menjual saham yang sebenarnya dari satu segi adalah semata-mata speculative. Saya bimbang kalau perkara seperti ini dibenarkan dan dibiarkan berlaku, kita akan mendapati satu perkara yang boleh merugikan ekonomi kita.

Dalam hal ini saya tidak teragak-agak untuk mengatakan bahawasanya sudahpun ada di negara kita perkembangan-perkembangan ke arah itu. Misalnya, akhir-akhir ini banyak firma-firma yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur terdiri daripada syarikat-syarikat yang berpunca daripada juggling of shares, dengan izin, yang menunjukkan keuntungan yang amat besar sedangkan pertumbuhan yang diperlukan tidak ada. Yang ditekankan dalam masalah ini ialah bagi firma-firma yang disenaraikan dalam Bursa Saham itu hendaklah firma-firma yang mempunyai kekuatannya sendiri yang berasas kuat, bukan berasas kepada spekulasi semata-mata. Dengan lain perkataan, firma-firma ini hendaklah firma-firma yang mengalami proses pertumbuhan organik, bukan pertumbuhan berdasarkan kepada paper growth.

Tuan Yana di-Pertua dalam hal yang demikian. saya sangat-

sangat tertarik dengan Akta ini sebab salah satu daripada alasan kenapakah Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah juga untuk mengurangkan saham kita diniaga di dalam pasaran tidak rasmi di luar negeri sepertimana yang dilakukan oleh sebuah negara jiran kita. Dengan ini juga kalau kita dapat menghalang ini, dengan sendirinya kita akan dapat mengurangkan lagi spekulasi tentang saham-saham kita dan ini boleh menambah kekuatan kita sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri beberapa teguran saya tadi, saya ingin sekalilah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Bursa Saham Kuala Lumpur kerana peka kepada perkembangan terkini dalam bidang ini dan dengan itu mengambil langkah-langkah seperti menggubalkan undang-undang yang baru untuk mengemaskinkan organisasi dan juga managementnya supaya Bursa Saham kita bukan sahaja disegani dan diyakini oleh rakyat kita tetapi di kalangan Bursa-bursa Saham di seluruh dunia. **Terima kasih.**

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

4.57 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang berada di hadapan kita ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas kecekapannya kerana menyampaikan Rang Undang-undang ini dan saya ingin menarik perhatian terhadap pertanyaan Yang Berhormat Tuan Hassan Harun juga di dalam Dewan ini pada 28hb Jun tentang kehilangan skrip yang disebutkan oleh Kerajaan tadi. Jawapan

Kerajaan pada masa itu adalah mohon izin untuk saya meng"quote"-nya - "langkah-langkah yang sedang diusahakan oleh BSKL untuk memastikan masalah yang sama tidak timbul lagi di masa-masa hadapan, ialah dengan menggunakan komputer di dalam usaha penyerahan dan penyelesaian. Di samping itu satu sistem simpanan pusat sijil-sijil akan diperkenalkan yang bertujuan menghapuskan penyerahan skrip dan mempercepatkan penyelesaian urusan saham". Ini membuktikan kecekapan Kerajaan bahawa pada 28hb Jun 1990 Kerajaan berkata demikian dan pada hari ini ianya terbukti.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma risaukan keadaan pelabur-pelabur kecil ini. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan ada usaha-usaha untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur kecil yang mempunyai lot-lot yang kecil. Biasanya kadangkala empunya lot-lot kecil ini tidak dapat dan susah hendak menjalankan urusan mereka dengan broker-broker yang tertentu.

Perkara kedua yang saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasa di Kementerian Kewangan dengan depositories pusat dan juga broker-broker di bandar-bandar lain daripada Kuala Lumpur ini, hubungannya sama ada ada penguatkuasa pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menjangai urusan pentadbiran broker-broker di bandar-bandar yang kecil-kecil. Ada sebahagian daripada Rang Undang-undang ini memberitahu bahawa dengan tanpa lesen, tanpa approval atau kelulusan daripada Menteri Kewangan ianya tidak dapat dijalankan tetapi bagi pelabur-pelabur kecil biasanya menjalankan urusan dengan cara begitu. Oleh itu adakah penguatkuasaan akan dibuat oleh pihak Kerajaan. Tidak ada disebut di dalam Rang Undang-undang ini tentang penyebaran berita angin. Ini adalah satu perkara yang teruk di dalam perniagaan saham di negara kita ini yang menjadi kelemahan ataupun keuntungan sebaliknya daripada setengah-setengah orang itu.

Saya harap ini juga akan menjadi satu usaha Kerajaan supaya penyibar-penyibar berita angin ini dapat dikurangkan ataupun diambil tindakan secara mana yang boleh. Misalnya di Kuala Lumpur ini cepat sangat perkara kecil berita angin ini terkeluar ke bandar-bandar seperti di Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bharu dan sebagainya dan ia melibatkan pelabur-pelabur di bandar-bandar yang berkenaan.

Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan juga mencari jalan supaya perkara-perkara penyibaran berita angin ini dapat dikurangkan ataupun dihentikan langsung, termasuk juga apa yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Hassan Harun tadi berkenaan dengan insider trading, dengan izin, oleh pengarah-pengarah ini. Kadang-kadang itu, dalam jamuan-jamuan sahaja pengarah berkenaan mengeluarkan berita yang tidak benar, tip-tip yang tidak benar, didengar orang di sebelah meja yang lain dan ianya merebaklah sehingga menjadi satu kekecohan pada esok harinya kepada pelabur-pelabur yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi yang hendak membahas? Kalau tidak ada, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dahalan, Yang Berhormat Senator Hassan Harun, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu yang telah bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang di hadapan kita pada petang ini.

Saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang telahpun diberikan dengan berasaskan kepada pengiktirafan dan kesedaran kita bersama bahawa negara kita sudahpun tiba pada tahap pembangunannya yang lebih sofistikated pada rangka yang lebih besar lagi, maka perlu kepada perubahan-perubahan yang selaras dengannya. Maka Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini merupakan langkah yang terakhir untuk membawa perubahan-perubahan sejajar dengan tuntutan keadaan, sejajar dengan perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa yang boleh kita sesuaikan untuk kita gunakan dalam sistem pasaran saham sekuriti di negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dahalan mengenai skrip yang palsu yang mungkin dapat diselesaikan melalui sistem depository pusat **ini**. Memang benar bahawa perkara ini sudahpun berlaku di mana ada yang hilang, ada juga di mana dikatakan mungkin tidak sah. Maka peruntukan undang-undang ini dalam Fasal 28 mengizinkan pihak yang berkuasa untuk membuat kiraan, lebih-lebih lagi peruntukan kiraan secara berjadual. Schedule mengikut peruntukan undang-undang **ini**, kalau tak salah saya, setiap empat bulan akan ditentukan bahawa kiraan stok itu dibuat oleh pihak yang berkuasa.

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu sekuriti itu hendak dimasukkan ke dalam sistem depository pusat **ini**, maka yang pertamanya yang perlu disahkan ialah bahawa tidak ada yang palsu termasuk di dalam sistem depository itu terlebih dahulu. Jadi pada peringkat awal-awal lagi, maka usaha-usaha, langkah-langkah untuk mensahihkan saham-saham tersebut dibuat sebelum sesuatu saham, sesuatu jenis sekuriti itu dimasukkan dalam

dalam depositori ini. Dan apabila sudahpun ada, maka ada peruntukan dalam undang-undang yang memastikan bahawa kiraan dibuat untuk mensahihkan bahawa yang diniagakan, yang disimpan di dalam sistem depositori pusat itu sebenarnya bukanlah palsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai penyelewengan yang mungkin berlaku melalui sistem komputer. Kitapun bukan sahaja pernah mendengar apa yang berlaku di luar negeri bahkan apa yang sudahpun berlaku di dalam negara kita. Tetapi perubahan teknologi sebegitu rupa, kalau kita tidak membuat adaptasi sistem kita dengan cara menggunakan kemudahan teknologi yang mutakhir ini, maka kita akan ketinggalan zaman.

Oleh yang demikian, kita perlu mencari sistem teknologi yang paling sesuai dan saya percaya bahawa pihak yang akan menubuhkan sistem depositori pusat ini akan memastikan bahawa teknologi yang digunakan adalah teknologi yang telahpun teruji dari segi kecekapan teknikalnya dan juga dari segi kemampuannya untuk memberi keyakinan kepada pihak pengguna. Saya percaya bahawa kita akan membuat tinjauan berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang ada di merata dunia, yang mana stu jenis komputer dan teknologi yang paling sesuai yang boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, kita wajar waspada. Walaupun begitu, mana-mana pengguna komputer pun terdedah kepada kemungkinan-kemungkinan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dahalan sebentar tadi.

Mengenai kerahsiaan yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dahalan, saya ingin menyebut di sini bahawa di antara satu perkara yang boleh mewujudkan satu sistem yang diiktiraf sebagai baik di antara asasnya ialah sejauhmana kerahsiaan itu dapat dipelihara. Tidak ada pihak yang dibenarkan salahguna kedudukan mereka untuk menggunakan maklumat-maklumat berdasarkan kepada access mereka kepada maklumat-maklumat tersebut, sama ada mereka yang mengendalikan sistem depositori pusat itu ataupun agen-agen ataupun mereka yang secara langsung mengendalikan kemudahan-kemudahan teknologi depositori pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan undang-undang daripada Fasal 47 hingga Fasal 51 agak nyata di situ menerangkan dengan sejelas-jelasnya perkara-perkara yang berkaitan dengan soal penyelewengan dan perlunya rahsia-rahsia itu disimpan. Dan maklumat-maklumat yang boleh digunakan dan sesiapa yang boleh menggunakan maklumat-maklumat itu diterangkan dengan sejelas-jelasnya di dalam Rang Undang-undang ini. Kita juga berusaha untuk membezakan antara tugas-tugas yang dilaksanakan oleh sesebuah bank dan tugas yang akan dibuat oleh bank sebagai agen pusat depositori ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal rahsia kegiatan bank harian, ianya tertakluk kepada undang-undang yang lain. Maka bidang tugas, bidang kerja yang ada kaitannya tentang rahsia-rahsia bank, maka itu kekal dan terpelihara seperti peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Maka bidang tugas, bidang kerja yang ada kaitannya tentang rahsia-rahsia bank, maka itu dikekalkan dan terpelihara seperti peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tetapi untuk membezakan antara bank sebagai agen depository pusat ini maka diperuntukkan satu undang-undang untuk memastikan bahawa pihak-pihak yang berkuasa seperti Pendaftar berhak untuk mendapatkan maklumat-maklumat untuk memastikan bahawa ianya dilaksanakan dan dikendalikan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun diselidiki secara terperinci tentang peruntukan kerahsiaan ini. Jika sekiranya berlaku apa-apa bentuk penggunaan maklumat di luar peruntukan undang-undang oleh sesiapa pun melalui kemudahan sistem komputer ini, maka hukum-hukum yang telahpun diperuntukkan dalam Seksyen 43 adalah begitu berat sekali. Dalam peruntukan fasal tersebut bahawa hukuman boleh dijatuhkan sehingga tidak lebih \$3 juta dan juga hukuman penjara tidak lebih 5 tahun ataupun kedua-duanya. Ini adalah satu ciri yang terkandung di dalam undang-undang ini dan sewajarnya memadai untuk semua pihak mengambil kira tentang betapa beratnya hukuman yang boleh dijatuhkan jika sekiranya berlaku penyelewengan dalam pengendalian "central depository system" ini.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Tuaa Adam bin Kadir: Yang Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan. Sila.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Terima kasih di atas jawapan tadi, tetapi satu aspek yang saya sebutkan tadi mengenai gantirugi. Sekiranya seorang pelabur itu kehilangan sahamnya melalui penyelewengan, sama ada Kerajaan akan menggantirugi kepada pelabur ataupun

pihak "central depository" akan menggantirugi, selain daripada denda-denda ataupun hukuman-hukuman kepada penyeleweng itu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk tentang perkara itu. Dalam central depository system ini diwajibkan untuk diperuntukkan insurans polisi oleh pihak yang berkenaan untuk tujuan mewujudkan satu tabung pampasan yang berkaitan dengan masalah-masalah seperti begini. Jadi, ada peruntukan, kalau tidak salah saya, dalam Seksyen 5(1)(b) dan juga 7,

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hassan mengenai "insider trading". Yang pertamanya tentang "insider trading" ini, ianya tertakluk kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Pihak berkuasa sentiasa mengawalselia gerakan pasaran saham untuk mengenalpasti mereka yang melakukan kesalahan ataupun tanda-tanda mereka menggunakan maklumat dalaman mereka untuk mempengaruhi pasaran demi kepentingan mereka. Dalam hal ini, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Bank Negara sudahpun mengeluarkan satu garis panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang ada kaitan secara langsung dengan soal saham ini, khususnya di kalangan merchant bankers yang merupakan perunding-perunding, garis panduah- garis panduan supaya mereka terhindar dari kegiatan "insider trading".

Selain daripada itu, pihak BSKL juga sudahpun memulakan peranan mereka yang sewajarnya. Satu peranan yang dipanggil "awas" di mana pihak BSKL sentiasa mengesan pergerakan saham sama ada dari segi

turun-naik harganya dan jual-belinya untuk dikesan sama ada perubahan-perubahan yang berlaku itu boleh dijelaskan berdasarkan kepada pergerakan saham tidak diganggu-gugat oleh mereka yang mempunyai sumber-sumber maklumat dalaman. Jika sekiranya ada tanda-tanda yang agak luar biasa dan tidak dapat dijelaskan dengan semata-mata berdasarkan kepada pengaruh pasaran seperti biasa, maka pihak BSKL akan menyampaikan maklumat ini kepada pihak yang berkuasa, sama ada pihak Menteri. Kewangan ataupun pihak Pendatar Syarikat untuk membuat tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, "insider trading" ini adalah satu kegiatan penyelewengan yang tidak baik, yang digunakan oleh orang-orang tertentu untuk kepentingan mereka sendiri dan merugikan orang yang lain walaupun begitu ianya tidaklah mudah sekali untuk dikesan. Saya ingin maklumkan di sini walaupun usaha-usaha sedang dibuat, belum ada kes-kes di mana pihak-pihak tertentu dibawa ke mahkamah untuk dihadapkan di mahkamah berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan seperti begini. Ini adalah merupakan apa yang dipanggil "the white-collar crime" yang berlaku di kalangan mereka yang cerdik-pandai dan bukanlah mudah untuk mengesan kegiatan-kegiatan orang seperti begini.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang, berdasarkan kepada cara-cara yang telah saya sebutkan, tadi khususnya ada siasatan - saya bukan kata tidak ada siasatan yang dibuat, ada siasatan yang telah dibuat dan sedang dibuat oleh pihak Pendatar Syarikat dalam hal berkaitan dengan perkara-perkara seperti ini. Jadi, yakinlah bahawa kita tidak akan melepaskan mereka ini dengan sewenang-wenangnya. Kalau ada bukti-bukti yang cukup, saya percaya pihak berkuasa akan membawa mereka ke mahkamah.

Kemudian mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hassan mengenai ciri-ciri spekulasi dalam pasaran, ingin saya memaklumkan di sini untuk membanteras elemen-elemen spekulasi ini tidaklah mudah. Walaupun begitu, langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan kebelakangan ini, pendekatan yang pertamanya, perubahan-perubahan institutional yang telahpun dibuat oleh Kementerian Kewangan sebegitu rupa supaya pasaran sekuriti di negara kita ini agak lebih sistematik, lebih tersusun dan berasaskan kepada asas-asas kewangan yang kukuh.

Di antara langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Kewangan ialah untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat ataupun "broking firms" adalah pada landasan yang paling kukuh. Itulah sebabnya kebelakangan ini telahpun diwajibkan kepada syarikat-syarikat tersebut supaya berasaskan kepada modal berbayar yang cukup sama ada di Kuala Lumpur ataupun di luar Kuala Lumpur. Kita mengharapkan dengan institutional changes, dengan izin, seperti begini bahawa sistem pasaran sekuriti di negara kita ini akan juga menjadi lebih profesional dan dengan cara demikian kita boleh membawa pasaran sekuriti negara kita ini ke peringkat antarabangsa. Maka dengan cara demikian, institutional changes dan juga pendedahan kepada pengaruh-pengaruh di peringkat antarabangsa maka elemen-elemen spekulasi ini akan dapat kita kurangkan melalui proses institutional changes dan juga profesionalisme di dalam industri sekuriti ini.

Selain daripada itu, saya juga menerima pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun dan juga Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak yang mengatakan yang merujuk tentang kepentingan pelabur-pelabur kecil-kecilan. Saya dimaklumkan ada lebih kurang dekat \$900,000 mereka yang merupakan pelabur-pelabur kecil-kecilan dalam negara kita ini dan melalui program penswastan di Syarikat Telekom Malaysia sahaja sewajarnya sudah ada 27,000 mereka yang merupakan pelabur kecil-kecilan yang memegang saham khususnya Syarikat Telekom Malaysia jika mereka tidak menjual saham-saham masing-masing.

Jadi, apabila saya menyebut 927,000 pemegang saham kecil-kecilan ini dan kalau dasar penswastan dilaksanakan seperti Syarikat Telekom Malaysia, maka kita akan mempunyai satu negara yang di antaranya pemegang saham adalah mereka daripada golongan kecil-kecilan seperti begini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, supaya golongan ini terhindar daripada elemen ciri-ciri spekulasi, maka saya dimaklumkan bahawa pihak BSKL juga sedang membuat langkah-langkah, yang sewajarnya untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang boleh menambah pengetahuan dan ilmu di kalangan masyarakat terbanyak mengenai pasaran saham ini sama ada melalui brochure- brochure mereka ataupun seminar-seminar, ataupun lawatan-lawatan yang boleh dibuat oleh pihak BSKL menyampaikan dan menyebarkan maklumat-maklumat mengenai industri sekuriti.

Walaupun begitu, kita harap dalam jangkamasa yang panjang walaupun mereka merupakan pemilik saham secara kecil-kecilan, mereka lebih berpaut kepada apa yang asas dalam pelaburan oleh seseorang bahawa asas merupakan perkara yang pokok yang boleh membawa manfaat

jangkamas panjang. Jadi, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, yang merupakan basic dan menjadi petanda yang baik kepada sesebuah negara sepatutnya itulah yang dipegang oleh pelabur-pelabur kecil-kecilan ini supaya mereka nanti tidak terbakar jari mereka apabila mereka masuk dalam pasaran sekuriti.

Mengenai cerita tentang khabar-khabar angin tak pun masuk dalam uridang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak pernah terjumpa dalam satu undang-undang di mana soal khabar angin boleh dimuatkan dalam satu Rang Undang-undang. Saya terimalah apa yang disebutkan oleh Senator Dato' Azumu bin Tak.

Tuan Adam bin Kadir: Jadi, saya rasa yang dimaksudkan khabar angin itu, daripada khabar angin itulah yang menimbulkan insider trading, itu maksudnya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ya. Tetapi khabar-khabar angin yang dikatakan disebutkan dalam jamuan-jamuan yang pernah kita hadir mempengaruhi pemikiran orang yang terlibat dalam pasaran saham hendak dimuatkan dalam Rang Undang-undang ini, saya pun tidak arif, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak. Tetapi untuk menegaskan lagi apa yang telah saya sebutkan tadi, kemudahan AWAS yang dibuat oleh pihak BSKL adalah satu cara untuk sekurang-kurangnya memberi signal atau memberi petanda kepada pihak berkuasa untuk membuat tindakan langkah-langkah penyiasatan yang lebih lanjut lagi kerana merekalah yang paling dekat untuk memerhatikan apa yang berlaku di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya sudah dapat menyentuh perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Satu lagi perkara yang dibawa oleh Dato' Azumu bin Tak mengenai pegawai-pegawai penguatkuasa, sama ada mereka membuat kegiatan di luar Kuala Lumpur. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, pihak berkuasa dalam hal ini di antara yang utamanya ialah pejabat Pendaftar Syarikat itu sendiri.

Maka kemampuan yang ada adalah terletak kepada pejabat Pendaftar Syarikat dan saya percaya pejabat ini ada bukan sahaja wujud di Kuala Lumpur dan ada cawangannya dan saya percaya bahawa dari segi mungkin bilangannya masih lagi terhad dan juga dari segi kepakarannya perlu dipertingkatkan lagi. Mungkin ini adalah di antara masalah yang perlu kita atasi untuk memperkukuhkan kemampuan pihak berkuasa untuk menjalankan tanggungjawab mereka berkaitan dengan undang-undang untuk industri sekuriti ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan. Saya sudah dengan ucapan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 68 diperintahkan jadi sebahagian. daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.30 ptg.**

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat pindaan berbangkit daripada pindaan lain kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Pindaan ini perlu dibuat apabila Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori-depositori Pusat) 1991 yang berkaitan dengan depositori-depositori pusat diperkenalkan dalam dagangan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983 melalui Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Fasal 2 adalah untuk meminda subseksyen 29(1) supaya ejen-ejen depositori diberikuasa yang dilantik di bawah seksyen 13 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori-depositori Pusat) 1991 juga disenaraikan sebagai orang-orang yang dikehendaki untuk menyelenggarakan daftar sekuriti seperti kehendak Bahagian V, Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta Perindustrian Sekuriti dengan memotong subseksyen (4) untuk membolehkan peniaga apabila berniaga sebagai prinsipal untuk mencajkan seseorang client dengan bayaran broker, komisen atau apa-apa fee, dengan izin, yang lain berkaitan dengan sesuatu urusanniaga. Sebelum ini subseksyen (4) melarang bayaran seperti ini dicajkan.

Pindaan seksyen 40(4) ini bertujuan memberikan insentif kepada broker-broker saham kerana mereka mengenakan komisen ke atas akaun broker saham dan ini akan menggalakkan broker-broker saham membuat pasaran dan mengambil pendirian bagi memenuhi pasaran besar dan dengan itu membolehkan mereka bersaing di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, pindaan undang-undang yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah selaras dengan perkembangan terbaru dalam industri sekuriti di negara kita ini. Pengenalan sistem depository pusat bertujuan mewujudkan sistem perdagangan saham yang lebih licin dan efficient melalui penyelarasan dan penyelesaian skrip yang lebih cekap.

Penglibatan broker saham yang lebih meluas dalam perdagangan saham boleh meningkatkan peranannya dalam menstabilkan turun naik harga saham dalam jangkamasa pendek dalam masa yang sama boleh menambahkan kecairan dan kebolehan pasaran saham-saham

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian

Sekuriti 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. [Tiada perbahasan.]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIRAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Tang Kedua dan Ketiga

5.36 ptg.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi membolehkan pelaksanaan dengan berkesan suatu perundangan baru iaitu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori-depositori Pusat) 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan juga pada sesi Dewan yang sedang berlangsung sekarang ini. Pindaan ini adalah berturutan dengan pengenalan perundangan yang baru tersebut lanjutan dari pengenalan Sistem Depositori Pusat yang dicadangkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perpisahan di antara Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura pada Ihb Januari, 1990 jumlah transaksi di dalam sekuriti di BSKL telah meningkat beberapa kali ganda, Pertambahan yang pesat kepada transaksi tersebut telah menyebabkan beberapa masalah yang khusus timbul bersangkutan dengan penyempurnaan teransaksi tersebut seperti kelambatan penyerahan skrip dan suratcara pemindahan, kehilangan skrip, pemalsuan skrip dan sebagainya.

Adalah dikhuatiri keadaan ini boleh menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur terutamanya pelabur-pelabur dari luar negeri. Untuk menyelesaikan masalah di atas BSKL bercadang memperkenalkan suatu Sistem Depositori Elektronik yang lebih cekap, yang akan menyimpan semua skrip yang diniagakan di pasaran yang dikenali dengan Sistem Depositori Pusat.

Bagi memberi kesan yang sepenuhnya kepada sistem ini serta atas syor yang dibuat oleh BSKL, Kementerian Kewangan telah mencadangkan agar diperkenalkan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori-depositori Pusat) 1991 - suatu perundangan yang memperuntukkan peraturan-peraturan mengenai Depositori Pusat serta deposit, pemegangan, pengeluaran dan urusanniaga dalam sekuriti yang didepositkan di situ dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Untuk memberi kesan sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori-depositori Pusat) 1991, apabila dilaksanakan, dua seksyen daripada Akta Syarikat 1965 yang mempunyai kaitan dengan transaksi sekuriti didapati perlu dipinda. Seksyen-seksyen tersebut ialah seksyen 6A(10) dan seksyen 39(1).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang pertama ialah pindaan kepada seksyen 6A. Mengikut Sistem Depositori Pusat, sesiapa yang ingin berurusniaga di pasaran sekuriti di Bursa Saham, hendaklah mendepositkan sekuritinya ke dalam sistem itu. Ini bermakna semua syer yang telah didepositkan demikian akan didaftar di atas nama Depositori Pusat di dalam daftar ahli-ahli sesebuah syarikat.

Untuk mengelakkan keadaan di mana seseorang itu menafikan kepentingannya di dalam sesuatu syer itu kerana syer didaftar atas nama depositori pusat dan bukan atas nama beliau, adalah perlu dimasukkan suatu perenggan baru (d) di mana Seksyen 6A Akta Syarikat 1965 supaya suatu kepentingan di dalam sesuatu syer itu hendaklah juga diambilkira walaupun sesuatu syer itu dipegang oleh atau atas nama depositori pusat atau syarikat namaannya.

Ini kerana di bawah Akta Syarikat 1965 banyak tanggungjawab dan larangan yang dikenakan ke atas seseorang yang mempunyai kepentingan di dalam sesuatu syer. Pindaan ini bertujuan menjelaskan lagi bahawa sesuatu tanggungjawab dan larangan di bawah Akta ini ke atas seseorang itu tidak terlupus walaupun sesuatu syer itu tidak didaftarkan di atas namanya di bawah sistem depositori pusat, Ini kerana kepentingannya masih diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 39(1) Akta Syarikat 1965 ialah seksyen yang menyatakan kandungan-kandungan prospektus yang diedarkan bersama borang permohonan bagi syer atau debenture sesebuah syarikat. Dengan pengenalan sistem depositori pusat adalah

mustahak sesuatu prospektus itu menyatakan bahawa sesuatu syer atau debenture yang akan ditawarkan telah ditetapkan oleh BSKL untuk dimasukkan ke dalam sistem depository pusat. Ini bagi memastikan bakal pelabur diberi tahu bahawa hanya mereka yang mempunyai akaun dengan depository pusat boleh membuat permohonan terhadap syer atau debenture yang ditawarkan.

Tujuan langkah ini adalah untuk meningkatkan kecekapan proses penyelesaian perdagangan sekuriti di pasaran saham serta menghapuskan masalah-masalah yang timbul akibat pergerakan skrip dan surat cara pemindahan yang banyak lanjutan dari perpisahan BSKL dengan Bursa Saham Singapura sejak 1hb Januari, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi membolehkan pelaksanaan perundangan baru Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori-depository Pusat) 1991 dengan lebih licin dan berkesan lagi dan pindaan tersebut tidak mempunyai implikasi" secara langsung ke atas sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan].

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.46 ptg;

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, antara lainnya untuk membolehkan pelaksanaan Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut yang ditandatangani di London pada 1hb November 1974, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Adam bin Kadir: Sila. Ada gangguan suara nampaknya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Ya, minta maaf. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991 adalah bertujuan membuat pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan Kementerian Pengangkutan meningkatkan keselamatan di laut dengan menguatkuasakan beberapa Korvensyen Antarabangsa mengenai keselamatan dan pencegahan pencemaran laut.

Konvensyen-konvensyen Antarabangsa yang terlibat adalah seperti berikut:

- (1) International Convention for the Safety of Life at Sea 1974 and its Protocol 1978 ialah SOLAS 1974.
- (2) International Convention for the Prevention of Pollution from Ships 1973/1978.
- (3) International Convention on Standards of Training, Certification and Watch-keeping for Seafarers 1978 (STCW).
- (4) International Convention Relating to Intervention on the High Seas in Cases of Oil Pollution Casualties 1969 (Intervention Convention).
- (5) Convention on Prevention of Maritime Pollution by Dumping of Waste and Other Matters 1972 (London Dumping Convention).
- (6) International Convention Relating to the Limitation of the Liability of Owners of Sea-going Ships 1957.

Rang Undang-undang ini membolehkan Kementerian Pengangkutan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu untuk melaksanakan Konvensyen-konvensyen tersebut. Adalah dijangka bahawa Kerajaan Malaysia akan menerima Konvensyen-konvensyen tersebut sebelum akhir tahun 1992.

Cadangan pindaan-pindaan utama iaitu Konvensyen STCW - Fasal 7 hingga 16. Fasal 7 Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan tahap kelulusan, kelayakan, pengendalian dan kerjaya pelaut. Bagi maksud tersebut juga Fasal 8 hingga 16 adalah bertujuan meminda had-had kawasan pelayaran selaras dengan keperluan baru yang

ditetapkan oleh Konvensyen STCW. Pindaan ini merupakan tindakan terkahir bleh Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan Konvensyen STCW. Konvensyen STCW telah berkuatkuasa secara antarabangsa dan pada masa ini merupakan satu tatacara yang sangat berkesan untuk menyelaraskan taraf latihan, pengendalian dan kelayakan pelaut-pelaut. Tindakan-tindakan telahpun dimulakan pada tahun 1982 untuk melaksanakan peraturan-peraturan baru mengenai kerjaya pelaut dan mengadakan sistem peperiksaan yang teratur selaras dengan Konvensyen STCW.

Pindaan Rang Undang-undang ini akan membolehkan segala kehendak Konvensyen tersebut dicapai.

Kementerian Pengangkutan sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan bagi meratifikasikan Konvensyen STCW pada tahun ini. Dengan penerimaan Konvensyen tersebut pelaut-pelaut Malaysia akan layak bertugas bukan sahaja di atas kapal-kapal Malaysia, tetapi juga di atas kapal negara-negara lain yang juga menjadi ahli. Konvensyen STCW.

Konvensyen SOLAS 1974/1978, Fasal 22 hingga 41. Fasal-fasal 22 hingga 41 adalah pindaan-pindaan susulan untuk membolehkan peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen SOLAS 1974 dapat dilaksanakan dengan teratur dan kemas di Malaysia.

Pada masa ini Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 menguatkuasakan Konvensyen SOLAS 1960, SOLAS 1960 telahpun digantikan oleh SOLAS 1974.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Malaysia sudahpun meratifikasikan Konvensyen SOLAS 1974 pada tahun 1983. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan SOLAS di negara Malaysia.

Konvensyen SOLAS merupakan Konvensyen Keselamatan Perkapalan yang amat penting dan diterima secara luas oleh negara-negara maritim antarabangsa. Kapal-kapal Malaysia akan dipersijilkan seperti dan selaras dengan apa yang diperlukan di bawah Konvensyen SOLAS supaya pelayaran kapal-kapal tersebut tidak terjejas apabila berada di pelabuhan-pelabuhan negara lain.

Kementerian juga akan mengambil tindakan menerima pindaan-pindaan untuk mengemaskinikan SOLAS dari masa ke semasa seperti Protokol 1978 dan 1983 dengan mengadakan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Bahagian baru VA pencemaran dari kapal Fasal 42 hingga 44 dan Kasal 51. Bahagian baru ini adalah bertujuan menguatkan peruntukan-peruntukan tertentu bagi membolehkan Malaysia menerima Konvensyen-konvensyen utama berkaitan dengan pencegahan pencemaran laut khususnya MAPOL, Intervention Convention dan London Dumping Convention. Konvensyen-konvensyen tersebut merupakan konvensyen-konvensyen yang telahpun berkuatkuasa secara antarabangsa dan mempunyai implikasi besar kepada negara Malaysia. Konvensyen MAPOL menentukan bahawa sesuatu kapal dibina dan digunakan secara teratur supaya tidak memberi kesan-kesan yang buruk kepada alam sekeliling atau ke lautan. MAPOL memperuntukkan bahawa kapal-kapal tidak membuang minyak atau bahan-bahan lain yang boleh menyebabkan pencemaran laut.

Fasal 42, seksyen baru 306(k) dan Fasal 51 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengadakan peraturan-peraturan untuk mengawal beberapa perkara yang penting selaras dengan Konvensyen MAPOL. Konvensyen Intervention adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengarah Laut mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi mengelakkan pencemaran laut atau melawan tumpahan minyak apabila sesuatu insiden kemalangan kapal berlaku. Pengarah Laut dengan panduan dari Pengarah Alam Sekitar boleh mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengawal, membanteras atau melawan sesuatu insiden pencemaran laut seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 42 dan seksyen baru 306(d).

Kedudukan negara Malaysia berhampiran dengan laluan-laluan

perkapalan yang penting seperti Selat Melaka dan Selat Singapura adalah terdedah kepada ancaman pencemaran laut dari kemalangan-kemalangan. Dengan peruntukan-peruntukan baru ini Pengarah Laut mempunyai kuasa penuh untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk melawan atau membanteras sesuatu tumpahan minyak atau bahan-bahan merbahaya.

Fasal 42, seksyen baru 305(k) juga memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan bagi mengawal aktiviti-aktiviti membuang bahan-bahan bahaya atau minyak dari kapal ke dalam laut. Kuasa yang diberi kepada Menteri Pengangkutan di bawah seksyen baru ini akan digunakan untuk mengadakan peraturan-peraturan tertentu bagi melaksanakan kehendak-kehendak Konvensyen, London Dumping. Konvensyen tersebut juga telah diterima secara antarabangsa dan perlulah dilaksanakan di negara kita supaya kawalan ke atas pembuangan dari kapal-kapal ke dalam laut dapat dilaksanakan.

Kementerian Pengangkutan akan mengadakan peraturan-peraturan tertentu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen bagi melaksanakan Konvensyen London Dumping tersebut.

Pelaksanaan konvensyen berkaitan dengan had liabiliti pemilik-pemilik kapal Fasal 49, Bahagian IX yang baru. Tujuan Fasal 49 adalah untuk menyelaraskan keadaan undang-undang di seluruh Negara. Pada masa ini undang-undang di Sabah dan Sarawak memperuntukkan bahawa had liabiliti pemilik-petnilik kapal di negeri-negeri tersebut adalah menurut International Convention relating to the Limitation of the Liability of Owners of Sea-going Ships 1957.

Pada masa ini had-had liability bagi pemilik-pemilik kapal di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 di Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah daripada keadaan di Sabah dan Sarawak. Kementerian Pengangkutan berpendapat perkara ini perlulah diselaraskan supaya semua kapal-kapal Malaysia atau kapal-kapal asing yang berada di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dikenakan had liability yang sama di seluruh negara. Peruntukan-peruntukan susulan adalah juga dibuat di bawah seksyen ini supaya keperluan-keperluan lain di bawah konvensyen tersebut dapat diadakan.

Pindaan-pindaan utama yang lain.

Fasal 17 meminda seksyen 236(1) Ordinan bagi membolehkan penguatkuasaan dijalankan walaupun kapal penumpang masih berada di pelabuhan setelah menerima penumpang.

Di bawah peruntukan yang sedia ada, penguatkuasaan hanya boleh dijalankan semasa kapal itu di dalam pelayaran. Pindaan ini adalah penting untuk mengelakkan kapal-kapal penumpang dari membawa bilangan penumpang yang melebihi had yang ditetapkan. Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen ini adalah juga ditambahkan daripada \$25 seorang penumpang kepada \$300 seorang penumpang.

Fasal 18 membuat pindaan kepada seksyen asal 244(l)(k) bagi membolehkan bayaran dipungut untuk pengendalian penumpang-penumpang di pelabuhan berkenaan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membangunkan dan mengadakan terminal-terminal penumpang yang moden dan selamat di beberapa pelabuhan penting seperti Kuah di Langkawi dan Lumut dan Pangkor di Perak. Kementerian Pengangkutan berhasrat

memungut bayaran-bayaran yang tertentu bagi menampung perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kerajaan. Pasal ini juga mengkaji semula penalti-penalti yang berkenaan.

Fasal 32, 33 dan 36 bertujuan meminda Ordinan asal bagi membolehkan pelaksanaan Kod Maritim antarabangsa mengenai kargo merbahaya. Kod tersebut adalah diterima oleh kebanyakan negara-negara maritim dan adalah penting untuk memastikan bahawa bahan-bahan merbahaya di atas kapal dikendalikan, dibungkuskan dan diberi label yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan kapal dan pekerja-pekerja di atasnya.

Fasal 54 bertujuan menyelaraskan penalti-penalti di beberapa seksyen di dalam Ordinan supaya ianya dinaikkan selaras dengan keadaan masa sekarang. Kebanyakan penalti-penalti yang sedia ada itu tidak memberi kesan yang sewajar dan menjadi satu halangan pula kepada penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini membuat beberapa pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Pindaan-pindaan ini mempunyai implikasi besar kepada industri maritim. Kementerian Pengangkutan sudahpun mengadakan beberapa mesyuarat serta dialog dengan industri maritim sebelum mengemukakan pindaan-pindaan ini untuk persetujuan Kerajaan.

Kementerian Pengangkutan ingin menyebutkan bahawa industri maritim menyokong pindaan-pindaan ini dan mereka akan menerima faedah-faedah tertentu. Kementerian Pengangkutan sendiri berpendapat pindaan-pindaan ini akan membolehkan beberapa rancangan

dilaksanakan termasuk rancangan-rancangan bagi meningkatkan lagi keselamatan pengangkutan laut. Peruntukan-peruntukan mengenai pencegahan pencemaran laut juga merupakan satu langkah baru penglibatan Kementerian Pengangkutan di bidang tersebut. Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain khasnya Jabatan Alam Sekitar supaya bersama-sama mengambil tindakan bagi mengawal dan mencegah pencemaran laut yang berpunca dari kapal.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Kementerian ini juga sedang merangka satu Akta Perkapalan Saudagar yang baru. Deraf Akta tersebut adalah di dalam semakan agensi-agensi Kerajaan dan saya berpendapat Akta yang baru tersebut boleh dikemukakan bagi perseutujuan Kerajaan di dalam jangka masa dua tahun lagi. Akta yang baru itu akan menggantikan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Ordinan Perkapalan Saudagar Sabah 1960 dan Ordinan Perkapalan Saudagar Sarawak 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991 untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini.

Dr. Sak Cheng Lung: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, antara lainnya untuk membolehkan pelaksanaan Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di laut yang ditandatangani di London pada 1hb November 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali.

6.00 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang yang tersebut. Walaupun demikian, saya ingin beri buah fikiran saya yang tidak sepertinya ini, saya ini bukan lawyer yang tahu serba-serbi apa yang dikatakan dalam Rang Undang-undang **ini**. Namun demikian, atas pengalaman singkat saya di atas saya sebagai Pengerusi juga kepada Malaysia Shipyard Engineering itu mungkin ada satu dua teguran saya yang mungkin Yang Berhormat ingin beri perhatian.

Yang pertama sekali, saya sedar bahawa perkara ini adalah berkaitan dengan International Convention sepertimana Yang Berhormat telah terangkan tadi dan juga perkara ini berkaitan banyak terhadap keselamatan dari semua segi, itulah sebabnya ada banyak Ordinan-ordinannya. Apa yang saya ingin memetik dari itu ialah dari stgi Fasal 22 yang ada menunjukkan kalau ada satu-satu kesalahan itu dendanya meningkat daripada \$1,000 ke \$10,000, \$5,000 ke \$10,000 dan sebagainya, itu ada tercatat dalam Rang Undang-undang **ini**, itu ada bagus, saya sokong itu. Namun demikian, saya rasa juga denda itu kecil kepada pihak kapal-kapal yang berkenaan oleh kerana

kapal-kapal yang masuk di situ semuanya kepunyaan orang-orang yang handal dan yang berada, yang kaya. Saya ingat kalau denda kita itu kecil, mungkin dibuatnya lagi.

Satu lagi perkara, dengan izin, saya ingin juga beri perhatian terhadap implementasikan segala-gala Undang-undang ataupun Ordinan yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi itu. Saya percaya tidak mudah untuk diimplementasikan oleh pihak yang berkenaan oleh kerana ini melibatkan kapal di laut yang masuk dan keluar ke port-port kita dan kalau kita tidak ada pasukan yang padat, yang kuat, maksud saya mungkin saya salah, ada terlibat Tentera Laut Diraja, Polis Marin, Imigresen dan Kastam barangkali, kalaulah pasukan-pasukan itu dikordinasikan, saya percaya, tanggungjawabnya terhadap Ordinan ini mungkin boleh kita berasa confident, dengan izin, yang segala-gala Undang-undang yang kita hendak sahkan itu, hendak diadakan itu effective, dengan izin.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikau Mesyuarat**]

Seperkara lagi berkaitan dengan keselamatan juga ialah dari segi melaporkan satu-satu kejadian. Pernah ada satu kejadian kapal masuk ke port kita di Johor, sedar-sedar kapal itu mengandungi explosive, maka kapal itu telahpun berlabuh di situ. Jadi, serba-salah saya ingat port authority di situ dan juga ship repair dan engineering di situ untuk menghalau balik, maka kapal itu telah masuk, malah sebahagian daripada kapal itu telahpun diperbetuli. Maksud saya di sini, tidak mudah perkara ini hendak diimplementasikan kalau tidak organisasi itu sepertimana saya katakan tadi, padat dan juga pegawai-pegawainya tahu tanggungjawab tiap-tiap seorang itu. Ini saya tidak memperkecilkan pihak-pihak yang berkuasa, tetapi Saya khuatir memandangkan Ordinan-ordinan ini dengan

begitu banyak seksyen-seksyennya itu, saya rasa perit, juga pihak yang berkenaan itu hendak implementasikan dengan sepenuhnya.

Begitu juga, kalau ada organisasi kita untuk support Ordinan itu, saya percaya organisasi itu menghendaki kapal-kapal yang tertentu, pegawai-pegawai yang tertentu dan juga dilengkapi oleh alat-alat elektronik yang moden supaya dapat dia detectkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan yang lain-lain juga.

Pegawai-pegawai yang berkenaan itu tentu sekali berkehendakkan satu-satu latihan yang tinggi dan mungkin kita tidak ada di sini. Saya harap kalau dikehendaki pegawai-pegawai yang sedemikian, harus dihantar ke tempat-tempat yang handal supaya apabila mereka itu balik, boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan begitu kemas dan baik demi untuk kebaikan dan keselamatan negara kita amnya, port-port dan juga tempat-tempat yang berkenaan itu.

Itulah sahaja yang saya ingin kemukakan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan.

6.07 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berbahas secara ringkas dan seterusnya menyokong di atas. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991, Saya akan menempuh satu dua aspek sahaja secara ringkas.

Yang pertamanya mengenai takrif ataupun tafsiran "kapal-kapal". Ada disebutkan di Paragraph 2(f):

"2.(f) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "native sailing ship", takrif-takrif baru yang berikut:

"near-coastal trade passenger steamer" means every near-coastal trade ship which is a passenger steamer;"

Saya ingin tahu sama ada takrif ini meliputi seperti di Kuala Perlis di sana ada perahu-perahu luncur ataupun bot sangkut yang membawa passengers. daripada Kuala Perlis ke sebelah Siam, iaitu Cik Bilang dan pergi-balik. Bot ini memang begitu masyhur sekali yang beroperasi di antara Kuala Perlis dengan Thai setiap hari siang dan malam. Kita dapati bot-bot ini dalam keadaan begitu merbahaya kerana ianya kecil, tirus dan kadangkala keadaan laut antara Kuala Perlis dengan Siam itu begitu sukar sekali untuk dilalui. Jadi, saya ingin tahu sama ada peruntukan ini meliputi bot-bot yang saya sebutkan di sini, iaitu sebagai contoh di Kuala Perlis dengan Siam, mungkin ada di tempat-tempat lain lagi yang beroperasi menggunakan bot-bot secara ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun apa yang saya akan sebut ini tidak secara khusus bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini, tetapi saya mengambil kesempatan oleh sebab ini ada kaitan dengan Kementerian, iaitu kemudahan-kemudahan pelabuhan. Saya dapati di Pantai Barat, ada di Johor, ada di Port Klang dan Pulau Pinang yang besar, tetapi kita dapati begitu banyak sekali kegiatan perusahaan ataupun kilang-kilang antara Seremban dengan Johor Bahru mengikut Pantai Barat. Yang kita ada secara kecil-kecilan di Melaka dan begitu juga di Port Dickson.

Saya dimaklumkan bahawa di Port Kelang, queue begitu panjang, dan pihak berkuasa sana terpaksa menanggung banyak denda-denda insurans dan sebagainya oleh sebab kelewatan untuk hendak mendarat. Tetapi kita dapati di Melaka pun sejak diswastakan di sana sudah queue mula panjang dan begitu juga yang secara kecilan di Port Dickson. Jadi, di sini inginlah saya bertanya kepada Menteri berkenaan sama ada Kerajaan akan membina sebuah lagi ataupun untuk membesarkan satu pelabuhan untuk meliputi kawasan antara Port Dickson dengan Johor Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah. Terima kasih. Sekali lagi saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

6.12 ptg.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang yang dibuat pindaan ini, iaitu Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991.

Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Ghazali begitu prihatin sekali mengenai perkara-perkara yang berkait dengan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan untuk dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawah Kementerian, terutamanya Jabatan Laut dari segi kemampuan Jabatan Laut itu sendiri dan juga Jabatan-jabatan lain penguatkuasaan yang boleh melaksanakan tugas-tugas apabila pindaan-pindaan ini telah diluluskan. Saya ingin memberikan jaminan bahawa pihak Kementerian

seperti saya kata tadi apabila ingin mengemukakan pindaan-pindaan ini telahpun membawa, membincang semua mereka yang terlibat dalam industri maritim dan pindaan-pindaan yang kita buat ini yang mana ada kaitan-kaitan dengan penalti dan sebagainya adalah bersama-sama dibincangkan dengan mereka dan dengan persetujuan mereka. Kita juga mengambil kira seperti kata Yang Berhormat Tan Sri tadi bahawa orang-orang yang punya kapal orang-orang kaya-kaya belaka. Tetapi kita fikirkan ini adalah munasabah. Kalau ada kena yang kurang kaya agaknya dan kita juga membuat perbandingan dengan negara-negara ASEAN lain dan kita buat perbandingan dengan negara-negara antarabangsa supaya penalti kita itu, denda-denda yang kita buat itu tidaklah jauh sangat berbeza dengan negara-negara di rantau ASEAN, Asia dan juga lain-lain. Dan sekiranya kita dapati bahawa dalam sesuatu masa kemudian besok bahawa ianya tidak sesuai, kita akan membuat pindaan, setelah kita membuat kajian yang seterusnya.

Mengenai implimentasi pindaan-pindaan ini iaitu menguatkuasa pindaan-pindaan yang akan diluluskan, saya yakin penuh bahawa Kementerian Pengangkutan khasnya dan juga Kementerian-kementerian lain yang mempunyai jabatan-jabatan penguatkuasaan akan membuat persediaan yang sebaik-baiknya supaya tindakan-tindakan kita itu berkesan dan efektif seperti Yang Berhormat Tan Sri kehendaki tadi.

Mengenai melaporkan kapal masuk dan sebagainya, itulah sebabnya kita buat pindaan supaya membolehkan penguatkuasaan kita dijalankan. Kalau mana-mana kapal masuk, kita boleh naik ke atas kapal itu. Kalau sekarang ini kita tidak ada kuasa hendak naik

ke atas kapal itu. Jadi, kita minta supaya ada kuasa naik atas kapal itu memeriksa barang-barang yang dibawanya, barang kargo yang merbahaya dan sebagainya kita boleh ambil tindakan terhadap kapal itu. Misalnya, ada kemalangan kapal pun, kalau ada kapal itu sudah karamkah, ada kuasa juga Jabatan Laut boleh memusnahkan kapal yang karam itu jika dianggap merbahaya. Jadi, inilah kuasa-kuasa yang kita hendak dan ini selaras dengan conventions yang telah diluluskan di peringkat antarabangsa dan juga diamalkan oleh negara-negara maritim seluruh dunia.

Yang Berhormat Tuan Dahalan berkata mengenai takrif kapal. Sebenarnya, maksud Yang Berhormat kata tadi bot yang berlesen boleh membawa penumpang dan peringkat bot ini pun ada had muatannya dan mesti juga mengikut syarat-syarat keselamatan. Jadi, kalau mereka ini melebihi daripada had muatan dan melanggar syarat-syarat keselamatan, maka Jabatan Laut berkuasa untuk menahan bot-bot tersebut dan boleh membuat penguatkuasaan. Begitu juga yang dimaksud dengan near-coastal trade passenger steamer, ia hanya meliputi passenger ship, kapal-kapal penumpang yang hanya di pantai kita sahaja, di pantai negara kita sahaja, tidak meliputi yang besar-besar. Itu sebab ditukarkan takrif itu daripada native sailing ship agaknya sudah obsolete, dengan izin, rasa saya istilah itu sudah obsolete.

Yang Berhormat juga menyebut mengenai kemudahan-kemudahan pelabuhan. Sebenarnya, kemudahan-kemudahan pelabuhan oleh kerana agaknya usaha kita untuk menjadikan negara Malaysia ini negara maritim, kita telah menjalankan berbagai-bagai usaha, kita dapati bahawa pelabuhan-pelabuhan kita telah meningkat aktiviti-aktivitinya dan dengan itu kita memang mempunyai perancangan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan di Port Kelang, di Lembaga Pelabuhan Johor, di Pulau Pinang, dari segi kontena dan dari segi kargo pukang

dan ini kita jalankan berperingkat-peringkat iaitu ada Fasa 1, 2, 3, 4 sampai 5 meraakan masa dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995). Jadi, untuk menubuhkan pula satu lagi port di antara Melaka dengan Port Dickson tidaklah, tetapi kemungkinan besar bahawa pelabuhan-pelabuhan kecil ini akan ditingkat juga, Tetapi rancangan yang tetap sudah kita luluskan ialah di Pelabuhan Kelang, di Pulau Pinang dan juga di Johor. Jadi, saya rasa setelah kita meningkat lagi perkhidmatan, kita nanti meningkatkan kemudahan-kemudahan alat-alat kelengkapan, mudah-mudahan tidaklah berlaku apa Yang Berhormat cakapkan tadi. Terima kasih sekali lagi atas perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai. Jawatankuasa,

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.21 ptg.**

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dibuat melalui Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan peruntukan Undang-undang yang lebih lengkap dan kemas mengenai pengawalan dan pengawasan ke atas syarikat-syarikat insurans di negara kita ini. Peruntukan Undang-undang yang dicadangkan ini akan membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan ke atas syarikat-syarikat insurans yang bermasalah demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi, pemiutang-pemiutang dan orang awam secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengawasi industri insurans mendapati bahawa kebanyakan syarikat insurans pada masa ini menghadapi masalah kewangan yang berpunca daripada kelemahan pengurusan dan juga tindakan tidak bertanggungjawab yang bermotifkan kepentingan diri sendiri oleh Pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai syarikat insurans yang berkenaan.

Ada di antara syarikat itu menghadapi masalah yang sangat serius dan boleh menjejaskan kepentingan pemegang-polisi, pemiutang-pemiutang dan orang awam keseluruhannya. Keadaan ini perlu dibendung dengan segera bagi mengekalkan keyakinan orang ramai ke atas industri insurans dan sistem kewangan negara.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil langkah-langkah yang tegas ke atas syarikat-syarikat insurans yang bermasalah kerana ia hanya memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans untuk mengeluarkan arahan-arahan yang difikirkan perlu sahaja. Ini termasuk arahan supaya syarikat insurans berkenaan melantik pegawai-pegawai pengurusan atau, dengan izin, management personnel yang lebih berkemampuan dan mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan balik jumlah wang yang pada pendapat Ketua Pengarah Insurans telah dibayar dengan cara tidak sah atau tidak mengikut peraturan.

Tindakan-tindakan dengan cara mengeluarkan arahan itu dirasakan kurang berkesan kerana syarikat-syarikat insurans boleh melengahkan pelaksanaan arahan yang diberi kepada mereka. Dalam kes perlantikan pegawai-pegawai pengurusan baru misalnya, kelewatan dalam membuat perlantikan itu akan membolehkan pihak pengurusan yang sedia ada terus melakukan tindakan-tindakan yang boleh memburukkan lagi masalah dalam syarikat-syarikat insurans berkenaan khususnya

ke atas perkara-perkara berikut:-

- (i) pelepasan yang tidak sah (fraudulent) ke atas aset-aset syarikat;
- (ii) kemusnahan dokumen-dokumen penting;
- (iii) bayaran kepada pemiutang mengikut sesuka hati; dan
- (iv) pengeluaran nota-nota perlindungan yang berleluasa dan pembelakangan tarikh nota-nota tersebut.

Di samping itu, hukuman yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat Insurans yang didapati bersalah kerana gagal mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan ke atas mereka adalah agak ringan di mana mereka hanya boleh dikenakan denda tidak melebihi \$20,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua denda dan penjara serta denda harian sebanyak \$4,000 untuk setiap hari kesalahan berlanjutan setelah dihukum bersalah oleh mahkamah.

Sungguhpun peruntukan undang-undang yang sedia ada juga membenarkan Ketua Pengarah Insurans menggulung syarikat-syarikat insurans yang didapati tidak solven tetapi tindakan menggulung itu, setakat yang boleh, perlu dielakkan kerana ia boleh menimbulkan berbagai masalah dan implikasi khususnya ke atas pemegang-pemegang polisinya kerana dalam proses penggulangan sesebuah syarikat insurans, semua polisi yang berkuatkuasa akan ditamatkan. Dengan demikian ia boleh menimbulkan masalah-masalah seperti berikut:-

- (1) Kebanyakan pemegang-pemegang polisi mungkin tidak akan mengambil perlindungan baru daripada syarikat-syarikat insurans yang lain, memandangkan mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih terutama sekali sekiranya mereka baharu sahaja mendapatkan polisi dengan syarikat berkenaan. Sungguhpnn mereka mungkin boleh mendapat bayaran balik daripada syarikat insurans berkenaan selepas syarikat itu digulung, tetapi ini mungkin memakan masa di antara tiga hingga empat tahun dan jumlahnya mungkin terlalu kecil.
- (2) Dalam kes pemegang polisi untuk kenderaan, mereka mungkin akan memilih untuk tidak mendapatkan perlindungan insurans yang baru kerana mereka sudahpun memperbaharui cukai jalan masing-masing, Memandu tanpa perlindungan polisi insurans adalah satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ini juga akan menjadi masalah yang besar sekiranya kenderaan pemegang polisi yang tidak mempunyai perlindungan insurans terlibat dalam kemalangan kerana tidak ada pihak yang akan membelanya sekiranya pihak ketiga menuntut gantirugi di mahkamah.
- (3) Pembatalan polisi-polisi insurans yang masih berkuatkuasa akan mengakibatkan orang awam hilang keyakinan

terhadap syarikat-syarikat insurans dan sistem kewangan keseluruhannya.

Memandangkan tindakan penggulangan sesebuah syarikat insurans boleh menimbulkan implikasi yang tidak diingini, maka tindakan-tindakan ini hendaklah menjadi tindakan terakhir sahaja atau, dengan izin, the last resort. Dan pihak berkuasa setakat yang boleh perlu mengambil langkah-langkah tegas untuk memulihkan prestasi dan operasi perniagaan syarikat insurans yang bermasalah itu dengan melantik pengurusan baru dan menyusun semula strukturnya. Dengan sebab itu peruntukan undang-undang yang lebih kemas dan lengkap perlu diwujudkan bagi membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil tindakan secara terus ke atas syarikat-syarikat insurans berkenaan dan bukan setakat mengeluarkan arahan-arahan sahaja.

Peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini pada amnya adalah sama seperti peruntukan yang terkandung dalam Bahagian 10 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah untuk menggantikan seksyen 28 Akta Insurans 1963 dan seterusnya memperkenalkan seksyen-seksyen baru 28A, 28B, 28C, 28D, 28E, 28F dan 28G serta pindaan-pindaan berbangkit atau dengan izin, consequential ke atas seksyen-seksyen 30 dan 35 Akta tersebut. Secara amnya pindaan-pindaan itu adalah sebagaimana berikut:-

Fasal 2 adalah untuk memasukkan ke dalam seksyen IA, satu tafsiran bagi perkataan "employee" dalam hubungan dengan seseorang penanggung insurans atau, dengan izin, insurer. Tafsiran ini adalah meliputi pengarah urusan, ketua eksekutif dan pegawai utama bagi

seseorang penanggung insurans. Tafsiran baru ini adalah relevant dan akan terpakai bagi kegunaan perkataan "employee" dalam seksyen-seksyen baru 28A dan 28C yang adalah dicadang untuk dikemukakan ke dalam Akta ibu oleh Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 adalah untuk menggantikan seksyen 28 Akta ibu dengan suatu seksyen yang mengenakan obligasi ke atas penanggung insurans yang menganggap bahawa ia adalah tak solven atau mungkin akan menjadi tak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya supaya memaklumkan dengan segera kepada Ketua Pengarah Insurans akan hakikat itu.

Fasal 4 memperkenalkan seksyen-seksyen baru 28A, 28B, 28C, 28D, 28E, 28F dan 28G ke dalam Akta ibu.

Seksyen 28A

Seksyen baru 28A memperuntukkan kuasa-kuasa kepada Ketua Pengarah insurans untuk mengambil langkah-langkah tertentu ke atas syarikat-syarikat insurans yang tak solven atau yang mungkin tak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya. Ini termasuklah kuasa untuk melantik pekerja-pekerja atau pengarah-pengarah baru kepada penanggung insurans berkenaan dan memecat mana-mana pekerja atau pengarah yang didapati menyeleweng atau tidak berkebolehan.

Bagaimanapun, kuasa-kuasa Ketua Pengarah Insurans ini hanya boleh dijalankan dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Menteri dan mereka yang akan diberhentikan daripada jawatannya akan diberi peluang yang munasabah untuk membuat representasi terhadap cadangan untuk memberhentikannya.

Ketua Pengarah Insurans juga akan diberi kuasa untuk mengesyorkan kepada Menteri bagi membuat sesuatu perintah yang disiarkan di dalam Warta yang membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambilalih kawalan kesemua atau apa-apa bahagian harta perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans yang bermasalah.

Seksyen 28B

Seksyen baru 28B membuat peruntukan mengenai syarat-syarat perlantikan pekerja dan pengarah yang dibuat oleh Ketua Pengarah Insurans di bawah seksyen 28A. Jangkamasa bagi perlantikan seseorang adalah tidak melebihi dua tahun tetapi perlantikan semula boleh di-

buat bagi tiga tempoh selanjutnya yang berturut-turut tetapi tidak melebihi satu tahun bagi setiap satu tempoh. Ketua Pengarah Insurans juga boleh membatalkan perlantikan seseorang itu pada bila-bila masa.

Seksyen 28C

Seksyen baru 28C menjelaskan mengenai kedudukan pekerja atau pengarah yang diberhentikan daripada pekerjaan atau jawatannya di bawah seksyen 28A, di mana selepas diberhentikan jawatan, mereka tidak boleh diambil bekerja atau memegang apa-apa juapun jawatan atau memberi perkhidmatan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam apa-apa aktiviti penanggung insurans berkenaan.

Seksyen 28D

Seksyen baru 28D mengenalkan obligasi ke atas pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah penanggung insurans yang diambilalih kawalannya oleh Ketua Pengarah Insurans supaya mengemukakan harta perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans berkenaan kepada pihak yang mengambilalih kawalan dan mengadakan apa-apa kemudahan yang mungkin dikehendaki bagi menjalankan perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans itu.

Seksyen 28E

Seksyen baru 28E memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans atau orang yang dilantik olehnya untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah bagi mengurangkan modal syer penanggung insurans itu dengan membatalkan apa-apa bahagian modal berbayarnya yang telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset-aset yang ada.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seksyen 28F

Seksyen baru 28F memberi kuasa kepada Menteri atas syor Ketua Pengarah Insurans untuk mengeluarkan perintah bagi melarang penanggung insurans daripada menjalankan kesemua atau mana-mana bahagian perniagaannya atau melarang penanggung insurans daripada melakukan atau melaksanakan apa-apa perbuatan atau fungsi yang berkaitan dengan kesemua atau mana-mana bahagian perniagaannya jika tindakan itu difikirkan perlu demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang poltisi. Bagaimanapun dalam kes ini penanggung insurans berkenaan akan diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi mengenainya.

Seksyen 28G

Seksyen baru 28G memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 28, 28A dan 28F. Penalti yang diperuntukan ialah penjara selama lima tahun atau denda sebanyak lima juta ringgit atau kedua-duanya dan tambahan denda harian sebanyak lima ribu ringgit bagi tiap-tiap kesalahan yang dilakukan secara berterusan.

Pasal 5 dan **Fasal 6** adalah untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada seksyen-seksyen 30 dan 35 bagi mensesuaikannya dengan pindaan ke atas seksyen 28.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan tadi peruntukan undang-undang yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya sama dengan peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 iaitu berkaitan dengan kuasa-kuasa pengawalan dan pengawasan Gabenor Bank Negara ke atas institusi-institusi kewangan berlesen. Memandangkan syarikat-syarikat insurans juga adalah tergulung dalam kategori

institusi-institusi kewangan yang memberi perkhidmatan kepada orang awam, maka peruntukan undang-undang ini dirasakan perlu dan penting bagi membendung jenayah kolar putih dalam industri insurans dan juga bagi menjaga kepentingan awam.

Dengan pindaan-pindaan ini pengawalan dan pengawasan ke atas industri insurans akan dapat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan oleh Ketua Pengarah Insurans.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua Urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebelum saya menangguhkan Majlis Mesyuarat ini, di sini saya hendak mengambil peluang untuk mengucapkan "Selamat Cap Goh Meh" bagi mereka yang meraikan Tahun Baru Cina dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat jalan dan selamat berehat sehingga kita berjumpa sekali lagi.

Dengan ini, saya menangguhkan Majlis Mesyuarat ini sehingga kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.